

Bil. 3

**Khamis
28 Mac 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	[Ruangan 1]
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	[Ruangan 18]
USUL:	
Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—	
Y.B. Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan)	[Ruangan 18]



AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA. P.J.K. (Jerantut).

- Yang Berhormat DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis)
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Musalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	--

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 28hb Mac, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

DOA
(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
Tuan Yunus bin Rahmat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang
di-Pertua, sedikit pembetulan.

Soalan No. 1 (a) baris kedua 'PPP5,
PPP6', bukan 'PPN5, PPN6'. Terima
kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

JAWATAN PPPN5/6/PPN7/9—
JUMLAH KEKOSONGAN

1. **Tuan Yunus bin Rahmat** minta
Menteri Pengangkutan menyatakan
perkara-perkara seperti berikut secara
terperinci, iaitu:

- (a) berapakah jumlah kekosongan
perjawatan bagi kategori PPPN5,
PPP6 & PPN7 dan PPN9 sehingga
Februari, 1996; dan
- (b) adakah cadangan kementeriannya
untuk mendapatkan kuasa melantik
daripada pihak JPA agar masalah
kelewatan pengisian jawatan
penting dapat diselesaikan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.
Rustam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk
jawapan kepada soalan Yang Berhormat,

- (a) Jumlah kekosongan perjawatan bagi
kategori yang ditanya adalah seperti
berikut:

Kategori Jawatan	Kekosongan
PPPN5	Tiada
PPPN6	5
PPN7	69
PPN9	21
Jumlah:	95

- (b) Kementerian pada masa ini men-
dapati bahawa tidak perlu untuk
mendapatkan kuasa melantik
daripada Suruhanjaya Per-
khidmatan Awam pada ketika ini
memandangkan kebanyakan
kekosongan telah pundiisi dan yang
tinggal hanya 95 sahaja yang boleh
dibuat mengikut proses biasa.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang
di-Pertua, memandangkan dengan
kerjasama yang diberikan oleh pihak JPA
begitu baik bagi mengisi kekosongan ini,
bagaimanakah keadaan sekarang iaitu di
Bahagian-bahagian Pengujian dan
Pelesenan Pemandu, Bahagian Pendaftaran
Kenderaan dan juga Bahagian
Penguatkuasa. Adakah jawatan-jawatan ini
benar-benar mencukupi setakat hari ini?
Kalau cukup, mengapakah terdapat lagi
kelewatan-kelewatan dan permasalahan di
dalam bahagian-bahagian berkenaan di JPJ-
JPJ negeri-negeri?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.
Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk
makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan
telah pun diambil oleh Jabatan
Perkhidmatan Awam dan juga JPJ bagi

mengisi kesemua kekosongan yang terdapat di dalam jabatan ini. Sekiranya terdapat beberapa lagi kelewatan, itu adalah kerana keupayaan kakitangan yang telah pun ditugaskan.

Selain daripada perjawatan di dalam penguatkuasaan, memang terdapat lagi beberapa kekosongan bagi jawatan-jawatan lain. Misalnya, JPJ telah pun meminta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mewakilkan kuasa perlantikan jawatan-jawatan tertentu dalam Kumpulan Sokongan di bawah bidang kuasa yang telah diadakan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 2hb Mei, 1995. Mesyuarat tersebut telah membincangkan mengenai draf Perlembagaan Persekutuan PU(B) 2020/95 dan dipersetujui perwakilan kuasa melantik diberi kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan untuk jawatan Pemeriksa Kereta Motor A7, Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, Pembantu Penguatkuasa Gred N9 dan Penjaga Jentera Elektrik R3. Kementerian ini diberitahu bahawa draf perwakilan kuasa tersebut masih dalam semakan pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Siang Chai.

(Soalan No. 2 — Y.B. Tuan Lim Siang Chai tidak hadir)

GARIS PANDUAN KAWALAN KOS INSURANS NYAWA— KESAN PENGUATKUASAAN

3. **Dr. Ramli bin Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah objektif utama penguatkuasaan garis panduan kawalan kos Insurans Nyawa yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara baru-baru ini:

- (a) mengapakah garis panduan ini mendapat bantahan oleh persatuan agen-agen insurans; dan

- (b) apakah jaminan kerajaan dengan memotong komisen agen-agen ia akan menurunkan kadar premium polisi insurans nyawa dan bilakah kadar ini dapat diturunkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Garis Panduan Kos Kendalian Perniagaan Insurans Nyawa oleh Bank Negara Malaysia adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi syarikat-syarikat insurans nyawa secara keseluruhannya dan ia juga menyediakan nilai yang lebih baik bagi premium yang dibayar oleh pemegang polisi. Dengan peningkatan kecekapan pengurusan ini, syarikat insurans nyawa boleh bersaing dengan institusi-institusi kewangan yang lain sebagai satu alternatif tabungan kepada orang ramai.

- (a) Garis panduan ini menetapkan had maksimum komisen dan lain-lain faedah yang boleh ditawarkan oleh syarikat insurans nyawa kepada agensi insurans berdasarkan norma industri. Kesan terhadap agen-agen biasa adalah minimum dan dijangkakan hanya ketua-ketua agensi yang selama ini telah dibayar dengan kadar komisen yang melebihi daripada norma industri akan merasai kesan penurunan dalam pendapatan mereka.

- (b) Setakat ini Bank Negara Malaysia telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa kebanyakan syarikat-syarikat insurans telah menurunkan kadar premium atau meningkatkan faedah perlindungan atau kedua-duanya sejak Garis Panduan Kawalan Kos Insurans Nyawa dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1996.

Kerajaan akan terus mengawasi dengan teliti perkembangan ini bagi memastikan syarikat-syarikat insurans akan

memindahkan segala kebaikan kepada pemegang polisi dan juga memastikan supaya syarikat-syarikat insurans akan terus memberi tumpuan yang lebih kepada kemajuan dan peningkatan dalam perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai.

Dr. Ramli bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan terdapat lebih 90,000 agen insuran di seluruh negara. Dengan pemotongan komisen ini, ia akan melibatkan kehilangan kira-kira lebih daripada 50% pendapatan agen-agen ini. Soalan saya, mengapakah pemotongan ini dibuat dengan begitu drastik sekali? Adakah selama ini agen-agen ini dibayar dengan lumayan sekali ataupun adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan sistem agen ini dan menguruskan pembelian insurans melalui bank-bank sepertimana yang dilakukan oleh Syarikat Takaful?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kajian yang telah dijalankan untuk membandingkan pendapatan agensi sebelum dilaksanakan garis panduan ini dan selepas itu. Didapati iaitu bagi peringkat agensi leader atau ketua-ketua agensi itu, kita perhatikan kalau berbanding dengan pendapatan yang telah kita kutip daripada tiga syarikat itu adalah didapati penurunannya lebih kurang 33%. Manakala untuk agensi biasa, iaitu bagi orang yang benar-benar pergi menjual produk-produk insurans itu, kita perhatikan pendapatannya adalah tidak berubah. Kalau ditambahkan pula dengan kemudahan-kemudahan seperti bonus dan insentif yang lain-lain, adalah sebaliknya ada peningkatan pendapatan untuk agensi biasa.

Soal sama ada kerajaan menggalakkan produk insurans di kaunter bank-bank itu—kerana ini adalah satu pasaran bebas dan strategi marketing itu adalah bergantung kepada swasta, kerajaan tidak akan campur tangan. Hanya mereka beroperasi dalam garis panduan itu, kerajaan adalah berpuas hati.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Kementerian Kewangan adalah satu kementerian yang amat penting. Tadi apabila soalan ini ada dibangkit, Menteri Kewangan dan timbalannya bangun serentak, tidak ada koordinasi. Saya mahu tahu adakah di antara kedua-dua ini jawapan kepada soalan itu bersama atau berlainan. (*Ketawa*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Memang hari ini giliran Timbalan Menteri. Tetapi oleh kerana kebetulan saya berada di dalam Dewan, hormat kepada soalan itu, saya cuba hendak bangun. Itu sahaja. Tetapi tentang soal koordinasi, saya tak tahu sama ada, ada hubungan dengan soalan atau tidak. (*Ketawa*)

PENGAGIHAN PELUANG EKONOMI ANTARA KAUM—PENCAPAIAN

4. **Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pencapaian dan pengagihan peluang ekonomi antara kaum telah dicapai sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai pencapaian dan pengagihan peluang ekonomi antara kaum yang telah dicapai sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) 1996 hingga 2000. Rancangan Malaysia Ketujuh dijadualkan untuk dibentangkan kepada Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6hb Mei, 1996 dan disusuli perbahasan mengenainya untuk beberapa hari berikutan. Sehingga itu, adalah diharapkan Ahli Yang Berhormat dapat bersabar dahulu.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jelas dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memperlihatkan bahawa adanya komitmen daripada pihak kerajaan

sebagaimana yang akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Tetapi persoalan kita sekarang ini, bila bercakap tentang pegangan dan pengagihan kekayaan negara, kita lihat pegangan yang terbesar adalah melalui agensi-agensi kerajaan dan juga, dengan izin, Off Budget Agencies. Jadi, apakah langkah-langkah bagi mengagihkan kepada pihak individu selepas ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ini saya tidak dapat jawab sehinggalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangnya pada 6hb Mei nanti. Jadi, saya kira sudah tentu tidak ada soalan yang berkait dengan perkara ini.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kaum bukan bumiputera sangat sukar mendapat peluang ekonomi seperti tender kontrak. Permohonan mereka kerap ditolak berbanding dengan pemohon bumiputera. Adalah benar bahawa kontrak-kontrak agensi kerajaan hanya dihadkan, kebanyakan dihadkan untuk pemohon bumiputera sahaja. Oleh sebab itu, ramai.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila bertanya.

Tuan Tan Kok Wai:peniaga atau pemborong bukan bumiputera terpaksa terlibat dalam perniagaan 'Ali Baba.' Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah peluang yang sama rata akan dapat diberikan kepada kaum bukan bumiputera seperti dengan mengadakan permohonan tender atau kontrak yang terbuka untuk semua kaum?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya sudah sebut tadi. Maknanya, semua jawapan berkenaan dengan pengagihan akan disebutkan pada 6hb Mei nanti. Jadi, saya kira tidak ada apa yang akan saya sebut sehinggalah perkara ini dibangkit pada 6hb Mei nanti. Walau bagaimanapun, apa juga yang dilakukan setakat hari ini, itu

mengikut dasar ekonomi yang diamalkan oleh kerajaan kita yang diterima pakai oleh semua rakyat Malaysia. Tidak ada yang luar biasa dalam perkara ini.

**USAHAWAN BUMIPUTERA—
LANGKAH MENGERAKKAN
KERJASAMA DENGAN
USAHAWAN BUKAN
BUMIPUTERA**

5. Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) langkah-langkah kerajaan dalam menggalakkan kerjasama usahawan bumiputera dan bukan bumiputera; dan
- (b) apakah usaha telah dibuat untuk membolehkan usahawan bumiputera menembusi bidang perniagaan membekalkan alat-alat elektrik dan alat ganti kereta.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk menggalakkan kerjasama usahawan bumiputera dan bukan bumiputera, Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengadakan program usahasama tulen. Program usahasama tulen bumiputera dan bukan bumiputera ini dilaksanakan melalui kerjasama Dewan Perniagaan Melayu dan gabungan Dewan-dewan Perniagaan Cina. Melalui program ini, syarikat usahasama yang tulen di antara bumiputera dan bukan bumiputera dapat diwujudkan supaya berkembang dengan lebih besar lagi untuk akhirnya menembusi pasaran luar negara.

Adalah diharap usahawan bumiputera yang terlibat akan dapat mempelajari dengan rakan

kongsinya mengenai segala selok-beluk perniagaan dan secara terus-menerus dan secara praktikal. Melalui program ini juga, perkongsian secara 'Ali Baba' di mana satu pihak menjadi rakan kongsi yang tidak aktif akan dapat dihapuskan.

- (b) Bagi pembekalan alat-alat elektrik dan juga alat ganti kereta, untuk meramaikan lagi pengusaha bumiputera, kementerian mewujudkan program pembangunan vendor. Melalui program ini, syarikat-syarikat bumiputera akan dibangunkan sebagai vendor kepada syarikat-syarikat multinational corporation atau syarikat-syarikat pengeluar yang dipanggil sebagai syarikat anchor.

Syarikat vendor bumiputera yang berkenaan akan mendirikan kilang dan mengeluarkan komponen dari barang kecil (parts) mengikut spesifikasi syarikat anchor dan membekalkan kepadanya mengikut kuantiti tertentu yang dipersetujui terlebih dahulu. Syarikat anchor akan sentiasa mengawasi prestasi syarikat-syarikat vendor ini dan memberi nasihat dan tunjuk ajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 39 syarikat bumiputera yang telah dibangunkan sebagai syarikat vendor di dalam bidang pengeluaran komponen dan parts barangan elektrik dan 20 syarikat bumiputera dalam bidang pengeluaran komponen dan parts untuk kereta.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengadakan sistem usahasama ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya, adakah kementerian mengenal pasti jenis-jenis ataupun perniagaan-perniagaan yang dijadikan sebagai perniagaan usahadi antara bumiputera dan bukan bumiputera, kerana

kita sedia maklum bumiputera masih belum mencapai tahap kejayaan dalam bidang ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan juga bercadang

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Cukuplah? Tidak mengapa, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (Ketawa)

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, bidang-bidang yang diceburi untuk usahasama ini tidak ditentukan oleh kementerian, cuma ia merupakan pakatan suka sama suka di antara kedua-dua syarikat yang ingin bergabung tetapi kita memberi tekanan kepada bidang-bidang yang mempunyai teknologi tinggi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi kaum bumiputera, seperti juga yang dibayangkan di dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Yan, dua hari yang lalu, tanah adalah menjadi asset yang sangat berguna untuk dilaburkan di dalam perniagaan ataupun di dalam perusahaan. Jadi, soalan saya, adakah tindakan kerajaan untuk mengambil tanah bumiputera dan diberi kepada kaum-kaum lain termasuk rakyat asing itu sebahagian daripada usaha untuk mengelak ataupun membantu kaum bumiputera menyertai di dalam usahasama atau sebaliknya.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar dari soalan asal.

PROGRAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

6. **Tuan Chia Kwang Chye** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai rancangan Kementerian untuk memperkenalkan mata pelajaran mengenai alam semula jadi dan alam sekitar:

- (a) bilakah Kementerian bercadang hendak memulakan mata pelajaran ini di sekolah dan di peringkat manakah subjek ini akan diajar dan apakah aspek alam semula jadi dan alam sekitar yang akan dititikberatkan dalam mata pelajaran ini; dan
- (b) berapa ramaikah bilangan guru yang sedang diberi latihan untuk mengajar mata pelajaran ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Program Pendidikan Alam Sekitar dan diajar sebagai mata pelajaran sisipan ke dalam setiap mata pelajaran di peringkat KBSR dan KBSM.

- (a) Latihan pertama program pendidikan ini dijalankan pada bulan September 1994 di 140 buah sekolah rendah dan 70 buah sekolah menengah. Semua sekolah ini adalah terdiri dari sekolah-sekolah contoh.

Mulai tahun ini (1996) program ini akan dijalankan berperingkat-peringkat. Pusat Perkembangan Kurikulum dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri kini sedang giat menjalankan kursus pendedahan kepada guru-guru sekolah rendah dan menengah.

Antara aspek yang dititikberatkan dalam program ini adalah terdiri dari enam tajuk utama iaitu:

- (i) Tuhan Pencipta Alam Semesta dan Sekalian Makhluk;

- (ii) Bumi dan Alam Semesta;
- (iii) Benda Bukan Hidup, Sumber Semulajadi dan tenaga;
- (iv) Benda Hidup dan Alam Sekitarnya;
- (v) Interaksi antara Manusia, Haiwan dan Tumbuhan;
- (vi) Pengurusan Alam Sekitar

- (b) Matlamat Pendidikan Alam Sekitar adalah untuk membentuk masyarakat supaya lebih prihatin dan peka kepada isu-isu alam sekitar. Sehubungan dengan itu, bilangan guru yang diberi latihan untuk mengajar mata pelajaran tersebut adalah mengikut keperluan dan kemampuan. Latihan pertama melibatkan seramai 210 guru telah pun diberi.

MESYUARAT ASIA-EROPAH (ASEM)

7. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) rasional di sebalik pertemuan para pemimpin ASEAN dan Eropah (ASEM) di Bangkok baru-baru ini; dan
- (b) resolusi-resolusi yang dicapai yang boleh dimanfaatkan oleh negara-negara rantau ASEAN.

38. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang pertama di Bangkok pada 1-2 Mac, 1996 yang lalu. Sila nyatakan keputusan-keputusan yang telah diambil.

9.4.96

3. **Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan bahawa sidang kemuncak ASEAN/EROPAH yang telah berlangsung

di Bangkok Thailand telah mencatat kejayaan cemerlang terutama bagi negara kita Malaysia:

- (a) adakah negara-negara besar Barat sedar mengenai perubahan sikap terhadap sekumpulan negara-negara Eropah yang positif pentingnya hubungan antara dua benua; dan
- (b) apakah sikap Malaysia sekiranya berlaku Negara Besar Barat seperti USA/RUSSIA yang pandang sikap negatif terhadap negara Eropah yang menjadi sekutu-sekutu mereka yang terakhir mengenai forum ASEAN/EROPAH.

10.4.96

7. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pendapat beliau masa kini dan harapan beliau di masa yang akan datang tentang segala tujuan-tujuan dan kejayaan murni yang telah dan akan tercapai oleh Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM); dan
- (b) adakah pandangan dan perancangan Malaysia dalam jangka masa pendek dan jauhnya dari aspek politik, sosial dan ekonomi bagi tujuan menghadapi satu kemungkinan perkembangan penting secara pesat dan global, apabila Eropah mengakui mereka perlu melihat dan menerima Asia sebagai rakan yang sederajat.

11.4.96

16. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah reaksi ketua-ketua negara yang menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) di Bangkok baru-baru ini tentang

cadangan Malaysia untuk mewujudkan Program Universiti Asia-Eropah bagi tujuan membina persefahaman dan saling pengertian antara Eropah dengan Asia; dan

- (b) apakah peranan dan usaha-usaha ASEM ke arah mewujudkan hubungan baik untuk menyumbang kepada Keamanan, Kemakmuran dan Kestabilan sejagat.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan saya ini dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada 28hb Mac, pada 9hb April, 10hb April dan 11hb April, 1996 atas tajuk yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang telah diadakan pada 1hb dan 2hb Mac, 1996 di Bangkok merupakan Mesyuarat yang julung kali diadakan. Ia telah dihadiri oleh pemimpin atau wakil mereka dari sepuluh buah negara Asia yang terdiri dari negara-negara ASEAN, Jepun, China dan Korea serta 15 buah negara di Kesatuan Eropah dan Presiden Suruhanjaya Eropah.

Pada keseluruhannya, mesyuarat ini adalah dianggap sebagai satu kejayaan dalam rundingan dan merapatkan hubungan politik dan kerjasama ekonomi antara Asia dan Eropah selain memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah mengenali satu sama lain secara lebih rapat lagi, ASEM telah menghasilkan keputusan-keputusan yang konkrit, positif dan pragmatik.

Sebelumnya ASEM tidak ada forum untuk pemimpin dari Benua Asia dan Eropah untuk bertemu dan bertukar pendapat dan mengadakan kerjasama ekonomi. Walhal di antara Benua Asia

dan negara-negara Pasifik termasuk Amerika dan Kanada terdapat APEC dan di antara Benua Eropah dan Amerika telah wujud beberapa rangkaian kerjasama.

Dari segi kerjasama ekonomi, Mesyuarat ASEM telah menekankan bahawa sebarang langkah integrasi dan kerjasama serantau seharusnya selari dengan dasar dan peraturan WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia). ASEM juga bersetuju perkara utama dalam usaha sekarang ialah mencari jalan untuk melaksanakan komitmen yang telah dibuat dalam perundingan pusingan Uruguay.

Dari segi isu-isu politik dan keselamatan, Mesyuarat ASEM bersetuju bahawa dialog politik antara Asia dan Eropah perlu dikukuhkan lagi berdasarkan kepada prinsip sama rata, saling hormat-menghormati dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri negara-negara lain.

ASEM juga bersetuju mengenai pentingnya ditingkatkan inisiatif-inisiatif sejagat untuk mengawal dan menghapuskan senjata-senjata pembinasa iaitu 'weapons of mass destruction'. Pemimpin-pemimpin ASEM juga telah mengulangi azam mereka untuk mengurangkan seterusnya menghapuskan senjata nuklear dalam dunia secara sistematik dan progresif demi untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan sejagat.

Mesyuarat ASEM telah menerima beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Cadangan yang pertama, ialah yang berkaitan dengan pandangan beliau iaitu tidak dikaitkan soal perdagangan dan pelaburan dengan perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengannya seperti hal amalan demokrasi, hal human rights dan seperti yang berkaitan dengan kedudukan dan taraf pekerja.

Yang keduanya, cadangan mengadakan Trans-Asia Railway untuk menyambungkan perkhidmatan kereta api di Benua Asia dengan yang terdapat di Eropah.

Dan yang ketiganya, ialah untuk supaya negara-negara Eropah membuka universiti-universiti cawangan mereka di negara-negara Asia ataupun mewujudkan program-program kembar dengan universiti-universiti Asia.

Ada lagi cadangan, iaitu Pusat Teknologi Alam Sekitar Asia-Eropah perlulah dibina di Thailand.

Mesyuarat bersetuju juga forum perniagaan Asia-Eropah diadakan dan mesyuarat yang pertamanya diadakan di negara Perancis pada tahun 1996 bagi menentukan modeliti meningkatkan kerjasama sektor perniagaan dan swasta di antara kedua benua.

Tidak ada negara yang bersikap negatif terhadap ASEM sungguhpun ada beberapa negara tidak berpuas hati kerana tidak dijemput turut bersama dalam summit yang telah diadakan itu. Walau bagaimanapun, Malaysia berpendapat bahawa bilangan negara yang menyertai ASEM pada masa ini adalah cukup dan praktikal dan boleh memberi kesan yang baik dan membawa faedah yang baik kepada semua yang terlibat. Jadi, pada amnya, Mesyuarat ASEM ini telah disambut dengan baik oleh semua negara-negara yang terlibat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun menurut Yang Berhormat Menteri tadi, tidak ada negara yang bersikap negatif terhadap inisiatif mengadakan sidang tersebut, tetapi ada laporan yang mengatakan bahawa Amerika Syarikat melihat Persidangan Kemuncak ASEM itu sebagai satu tamparan kepada Amerika Syarikat yang terlalu menonjolkan APEC, ini juga merupakan semacam satu warning kepada Amerika

Syarikat bahawa Asian boleh berpakat dengan negara lain sekiranya Amerika bersikap dingin terhadap kita. Apakah andaian ini tepat?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sebut tidak ada negara yang bersikap negatif tadi ia bermaksud negara-negara yang terlibat dalam Summit ASEM yang diadakan di Bangkok itu semua bersetuju dan berpandangan baik dan ASEM ini adalah baik untuk mereka. Suara yang kita dengar dari luar yang tidak bersetuju adalah kerana mereka tidak dijemput. Apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Amerika kurang senang hati, itu memang sikap Amerika begitu. Setiap kali kita mewujudkan apa juga forum atau muafakat antarabangsa yang tidak membawa penyertaan mereka, memanglah Amerika merasa kurang senang hati dengan tindakan seumpama itu. Tetapi kita berpendirian bahawa jika sekiranya kita mewujudkan sesuatu forum yang kita fikir wajar diwujudkan kerana banyak faedah dan manfaat yang kita boleh perolehi, jadi, kalau Amerika tidak turut serta pun forum itu akan dapat berjalan dan akan memberi faedah seperti yang diharapkan.

JALAN RAYA KOTA KINABALU- KUDAT—MEMPERBAIKI

8. Dr. Maximus Johnity Ongkili minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan kerajaan untuk memperbaiki, memperbaharui dan menampal lubang-lubang jalan raya Kota Kinabalu-Kudat, Kota Marudu-Tandek dan Tandek-Pitas memandangkan jaminan yang diberi oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan 1996 bahawa "jalan yang rosak diperbaiki, yang berlubang ditampali, yang lama diperbaharui".

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah program penyelenggaraan khas Kementerian Kerja Raya telah pun

memperbaiki dan menampal lubang-lubang di beberapa bahagian jalan raya Kota Kinabalu-Kudat dalam tahun 1994 dan 1995. Keadaan jalan raya ini sentiasa diawasi dengan menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan setiap masa. Kementerian Kerja Raya juga telah mengemukakan cadangan pembaikan beberapa bahagian lagi jalan raya ini untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bagi jalan raya Kota Marudu-Tandek, kerja-kerja mengtarkan jalan dari Kilometer 1.5 hingga Kilometer 7.5 telah pun disiapkan pada bulan Mei, 1995. Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, baki jalan iaitu sepanjang 5 kilometer dari Kilometer 7.5 ke Kilometer 12.5 dinaikkan taraf ke jalan tar.

Bagi jalan raya Tandek ke Pitas, kerja-kerja rekabentuk terperinci sedang dijalankan oleh juruperunding bagi menaikkan taraf jalan ini ke jalan tar. Kerja-kerja rekabentuk dijangka siap pada penghujung tahun 1996. Cadangan pembinaan jalan raya tersebut telah dimasukkan dalam senarai projek baru Rancangan Malaysia Ketujuh. Keputusan muktamad akan hanya diketahui apabila Rancangan Malaysia Ketujuh diluluskan oleh kerajaan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, bagi jalan raya Kota Kinabalu-Kudat, terdapat beberapa tempat lagi yang penuh dengan lubang-lubang, khususnya kawasan Mengaris, Pandasan dan Ulu Kukut dan dalam masa hujan kawasan ini amat teruk sekali. Apakah tindakan Kerajaan untuk memperbaiki jalan-jalan di tempat ini dengan sertamerta dan juga bagi kawasan jalan raya Kota Marudu-Tandek-Pitas, bilakah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti dijangka dilaksanakan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat minta jalan raya dari Tandek-Pitas, bukan? Bagi projek jalan dari Tandek ke Pitas, ini adalah satu projek baru yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang melibatkan menaikkan taraf dan mengetar jalan sepanjang 38 kilometer dan pembinaan 7 buah jambatan dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM61 juta. Kerja-kerja rekabentuk terperinci sedang dijalankan oleh juruperunding dan dijangka siap pada penghujung tahun 1996. Dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM400,000 dan bagi tahun 1996 sebanyak RM200,000 telah disediakan bagi pembayaran yuran kerja-kerja kepada rekabentuk terperinci. Apabila rekabentuk ini selesai kelak kita akan memanggil tawaran untuk memulakan kerja.

AGENSI PEKERJA ASING— KEDUDUKAN

9. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Agensi Pekerja-pekerja Asing masih wujud. Adakah benar sejak PPA ditubuhkan Agensi Pekerja-pekerja Asing telah dimansuhkan dan bagaimanakah keadaan sekarang untuk sebuah syarikat/kilang mendapatkan pekerja-pekerja asing mereka. Adakah benar bahawa sejak Agensi Pekerja-pekerja Asing tidak dibenar membawa masuk pekerja-pekerja asing orang-orang perseorangan yang telah mengaku diri mereka sebagai "Consultants" kepada PPA (Task Force) telah mengambil kesempatan membawa masuk pekerja asing dengan tidak perlu mendapat kebenaran KDN dan tidak perlu untuk membayar wang jaminan bank sebanyak RM100,000.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, agensi pengambilan pekerja asing masih wujud tetapi fungsi mereka hanyalah untuk menguruskan pengambilan pekerja asing sebagai pembantu rumah dan pembantu kedai sahaja. Semenjak

pemansuhan peranan agensi-agensi di dalam urusan pengambilan pekerja asing, selain pembantu rumah dan pembantu kedai, majikan diwajibkan memohon terus kepada Pasukan Petugas Pekerja Asing atau PPPA bagi mendapatkan kelulusan.

Kelulusan akan dihantar terus dengan pos kepada majikan dan majikan dikehendaki membuat bayaran untuk levi, pas, visa dan cagaran. Seterusnya PPPA akan mengeluarkan workers order, dengan izin, kepada agensi tunggal kerajaan di negara sumber yang akan membekalkan pekerja kepada majikan yang berkenaan. Kerajaan tidak membenarkan PPPA ataupun majikan untuk menggunakan perkhidmatan "Consultants", dengan izin, agen atau lain-lain jenis perantara. Jika terdapat orang perseorangan cuba mengaku diri mereka sebagai consultants kepada PPPA, dalam hal ini saya mencadangkan maklumat yang tepat disampaikan kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk siasatan dan tindakan yang sesuai.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan iaitu ada dua dasar cara pengambilan pekerja-pekerja asing untuk bekerja di Malaysia iaitu dasar untuk seluruh Semenanjung Malaysia dan dasar untuk Sarawak dan Sabah. Saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah dasar itu dan apakah perbezaannya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sejauh ini saya telah menjawab bagi pihak PPPA di Semenanjung. Bagi Sabah, tugas itu adalah di bawah bidang kuasa Pasukan Petugas Persekutuan di bawah MKN dan bukannya di bawah KDN.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha kerajaan mengendalikan pekerja-pekerja asing ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk

memastikan pekerja-pekerja asing ini tidak boleh membina rumah-rumah haram sama ada di tanah-tanah kerajaan ataupun di tanah-tanah perseorangan dan untuk memastikan mereka ini tidak akan tinggal tetap di Malaysia.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, selama ini memang pihak berkuasa terutamanya pihak Polis dan Imigresen bukan sahaja tidak membenarkan mereka mendirikan rumah secara haram atau tanpa izin, mereka berada di negara ini pun tidak boleh dan operasi Nyah 1, Nyah 2 sudahpun dijalankan dengan begitu lama, secara berterusan dan tidak berhenti-henti.

Mengenai dengan mereka mendirikan rumah di tanah-tanah yang tidak diizinkan, kita memerlukan pihak-pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya untuk bekerjasama dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin negara kita yang lain telah pun memberi nasihat dan saya rasa semua pihak berkuasa termasuk di peringkat negeri dan daerah telah pun mengambil tindakan dan memberikan perhatian yang serius.

KWSP —PERATUSAN PELABURAN DALAM KLSE

10. **Dr. Yap Yit Thong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh KWSP; dan
- (b) berapakah peratusan daripada tabung ini yang dilaburkan dalam KLSE (BSKL).

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) KWSP telah melaburkan dananya dalam sekuriti kerajaan Malaysia, pasaran wang, pinjaman, ekuiti dan hartanah.
- (b) Peratusan yang digunakan daripada tabung itu yang telah dilaburkan dalam KLSE itu ialah 11.3%.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah dasar kerajaan atau KWSP mengenai pelaburan atau pinjaman dengan risiko yang tinggi, seperti dalam PERWAJA yang sekarang perlu rescue yang kedua dan dicadangkan untuk Empangan Hidroelektrik Bakun yang timbul masalah financial viability. Apakah dasar KWSP supaya tidak menjejaskan tabung KWSP sebanyak RM100 bilion ini dan apakah kedudukan sekarang ini mengenai wang KWSP dalam PERWAJA dan mengenai kedudukan dalam projek Bakun?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan adalah disediakan untuk Jawatankuasa Pelaburan KWSP untuk membuat pelaburannya. Segala keputusan itu adalah dari segi pulangan yang dapat dikutip. Selain daripada itu juga, diberi perhatian kepada sama ada projek yang dijalankan itu adalah strategik dari segi kepentingan negara dan juga viability projek itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sepang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai PERWAJA dan Bakun, dia belum jawab! Kedudukan! Atau dia tidak tahu! Mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh jawab! Itu mustahak, wang rakyat! Berapa amaun? (*Disampuk*)

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya kira ada banyak soalan yang ada kaitan berkenaan dengan PERWAJA itu, kalau diberi peluang pihak kerajaan untuk menjawab ini, hendaklah ada satu sesi untuk menjawab soalan itu. Kalau kita hendak bincangkan dalam masa yang sedikit untuk menjawab soalan itu, mungkin tak sampai hatilah!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perkembangan lanjut tentang pengumuman Yang Amat Berhormat

Menteri Kewangan baru-baru ini tentang cadangan untuk melibatkan pihak KWSP dalam sektor pembinaan perumahan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana secara meluas bagi membantu menstabilkan harga rumah yang melambung tinggi dan tidak berpatutan hari ini?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Itu memang satu langkah yang baik. Ini hanya menunjukkan begitu serius kerajaan oleh kerana bukan sahaja terdapat beberapa tabung yang telah disediakan yang dikawal oleh Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, tambahan juga disediakan satu penglibatan KWSP supaya hasrat kerajaan untuk menyediakan rumah-rumah kos rendah dan unit-unit flat secara kos rendah itu dapat dibina dengan kadar yang cepat dan kita dapat sampai ke sasaran yang kita inginkan.

PEMBALAKAN HARAM— KES HUKUMAN MANDATORI

11. Tuan Chiew Chiu Sing minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah kes pembalakan haram di hutan Malaysia mengikut negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kes pembalakan haram di Semenanjung Malaysia untuk tahun 1990 hingga 1995 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Kes</i>
Pahang	251
Kelantan	249
Selangor	91
Terengganu	122
Johor	77
Perak	173
Negeri Sembilan	92
Kedah	44
Perlis	4

Bagi negeri Sarawak, sebanyak 96 kes telah dikesan pada tahun 1995 yang melibatkan penebangan di hutan negeri dan hutan simpanan kekal. Manakala di Sabah, jumlah kes pembalakan haram, iaitu sebanyak 177 kes bagi tahun 1995 dan 1996 setakat Mac 1996.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah kerugian yang dialami oleh kerajaan hasil daripada pembalakan haram itu dan apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan bagi mengelakkan perkara itu daripada berlaku seterusnya?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kerugian yang dialami dari kecurian sukar dipastikan. Walau bagaimanapun, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah berjaya mengutip sejumlah RM34 juta bagi tempoh 1990 hingga 1995 sebagai ganti rugi bagi pokok-pokok yang telah ditebang secara haram.

Di Sabah, kerugian yang dialami oleh Kerajaan Negeri tidaklah begitu besar memandangkan kerajaan mendapat hasil daripada lelong balak haram. Bagi Sarawak, kerugian sukar ditaksir. Jika kesalahan dibuat oleh pihak awam agak kurang serius, perkara ini akan dikompaun. Jika sebaliknya, perkara ini akan dibawa ke Mahkamah.

Jumlah kompaun yang dipungut melalui denda ialah RM6.6 juta bagi Semenanjung Malaysia dalam tempoh 1990 hingga Jun 1995. Dalam hal ini, Jabatan Perhutanan Sabah tidak berkuasa untuk mengkompaun kes-kes pembalakan haram seperti yang diperuntukkan di dalam Enakmen Hutan 1968. Namun demikian, Jabatan Perhutanan Sabah boleh menyenaraihitamkan, menangkap, mendakwa atau menggantung lesen pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam pembalakan haram serta merampas dan melelong balak-balak yang dibalak tanpa lesen. Jumlah kompaun yang dikutip oleh Jabatan Perhutanan Sarawak dalam tempoh yang sama ialah RM12.4 juta.

Untuk langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pembalakan haram, beberapa langkah telah diambil dan dilaksanakan. Antaranya ialah:

- (i) melaksanakan rondaan dan pengawalan bersama di antara Jabatan Perhutanan, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia;
- (ii) menyediakan sistem hadiah untuk menggalakkan orang awam dan pegawai-pegawai perhutanan memberi maklumat dan membantu usaha membanteras pembalakan haram;
- (iii) menggunakan pesawat udara seperti helikopter untuk mengawal operasi pembalakan dan mengesan pembalakan haram; dan
- (iv) menyebarkan dengan lebih meluas maklumat-maklumat mengenai implikasi pelaksanaan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 supaya semua pihak yang terlibat dengan aktiviti pembalakan memahami denda-denda dan penalti yang telah dipertingkatkan termasuk penjara mandatori bagi pembalakan haram.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita dapati bilangan kes pembalakan haram cukup banyak, termasuk di Perlis yang kecil pun ada 4 kes dan juga kutipan hasil daripada pembalakan haram begitu banyak. Di samping kompaun, kawalan dan sebagainya, apakah jaminan kerajaan bahawa pada masa akan datang, hutan masih ada dan balak masih banyak untuk keperluan negara?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, tindakan-tindakan yang menyeluruh dan meluas telah diambil oleh pihak kerajaan. tetapi kerajaan tidak boleh menentukan yang pembalakan haram ini

tidak akan terus berlaku. Itulah sebabnya kami juga bergantung kepada orang awam dalam memberi maklumat-maklumat jika dapat dikesan pembalakan haram yang berlaku.

KAWASAN PERUMAHAN— KEMPEN KEBERSIHAN

12. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya berhasrat untuk menggerakkan suatu program secara besar-besaran untuk membersihkan kawasan-kawasan perumahan dan bandar seluruh negara memandangkan tahap kebersihan masih belum memuaskan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun melancarkan Program Bersih dan Indah semenjak tahun 1990 yang melibatkan kesemua pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan pada amnya berjaya meningkatkan tahap keindahan bandar di negara ini. Amalan kebersihan oleh masyarakat masih perlu dibaiki.

Oleh itu, kerajaan juga telah mengadakan program gotong royong di hari pembersihan seluruh negara sempena menyambut Hari Kebangsaan. Program sedemikian akan terus dilaksanakan.

Kementerian ini sedang merancang program dan kempen kesedaran mengenai kebersihan kepada orang ramai melalui media massa dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan. Kementerian berharap, melalui kempen-kempen sedemikian, orang ramai akan lebih komited untuk bersama memelihara persekitaran agar sentiasa bersih.

Wakil Rakyat juga mempunyai peranan besar menggalakkan penduduk di kawasan-kawasan masing-masing mengamalkan tabiat kebersihan. Program ini sudah tentu

kurang berkesan kalau pihak berkuasa tempatan membersihkan tetapi masyarakat mengotorkan balik selepas itu.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap majlis-majlis perbandaran yang tidak menjaga kebersihan bandarannya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menggalakkan pihak berkuasa tempatan membersihkan kawasan mereka masing-masing dan di bawah Program Bersih dan Indah, kita hanya akan memberikan peruntukan yang lebih kepada pihak berkuasa tempatan yang kita dapati menjalankan program ini dengan baik dan cemerlang.

Sementara itu, kita juga di bawah Program Landscaping the Nation ataupun hendak lanskapkan negara, kita ada satu peruntukan lain untuk mengindah kawasan-kawasan persekitaran bandar dan program ini akan diberikan keutamaan kepada majlis-majlis daerah ataupun pihak berkuasa tempatan yang mana kita dapati menjalankan program mereka dengan berkesan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dia sedar dalam program yang disebutkan tadi terdapat majlis-majlis perbandaran atau kerajaan tempatan untuk kawasan perumahan yang baru di mana mereka mengambil alih tugas membersihkan kawasan atau menjaga kebersihan kawasan dengan lambat. Ini menyebabkan pihak pemaju perumahan mengenakan kos penyelenggaraan, dengan izin, maintenance charges ke atas semua penghuni selama dua tahun kerana pihak majlis tempatan mengambil masa dua tahun untuk mengambil alih perkhidmatan atau tugas mereka mengumpul sampah sarap atau memotong rumput.

Adakah beliau sedar tentang amalan ini dan adakah pihak kementerian akan mengarahkan supaya sebaik sahaja CF dikeluarkan, pihak majlis tempatan mempunyai tanggungjawab mengambil alih dengan serta merta semua tanggungjawab mereka supaya apabila penghuni membayar cukai pintu, mereka tidak akan membayar dengan sia-sia tanpa menerima perkhidmatan? Tetapi kena bayar sekali lagi kepada pihak pemaju perumahan. *(Disampuk)*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya pun kurang faham dengan pihak pembangkang. Dahulunya apabila pembedungan tidak diswastakan, mereka mengkritik seolah-olah pihak berkuasa tempatan tidak efektif melaksanakan tugas mereka tetapi apabila pembedungan diswastakan, pihak pembangkang memainkan peranan menggesa pihak orang ramai supaya tidak membayar bayaran yang sepatutnya dibayar kepada IWK. Hari ini kita mendengar mereka mengkritik pihak berkuasa tempatan, kononnya selepas dua tahun mendapat CF masih lagi tidak mengutip sampah di kawasan-kawasan yang sepatutnya mereka kutip. Mungkin tidak berapa lama lagi di masa yang akan datang, kerajaan akan menswastakan kutipan sisa-sisa pepejal, sampah dan lain-lain. Kita berharap di masa itu, oleh kerana pihak pembangkang pun berkehendakkan pihak kerajaan melaksanakan tugas ini dengan baik dan berkesan, pihak pembangkang akan menyokong kerajaan menswastakan kutipan sisa pepejal ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ya. Saya faham Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang penghuni bayar cukai pintu, majlis tempatan tidak kutip tetapi....*(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak ada tanggungjawab. Letak jawatan pun lagi baiklah. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed. Sila.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada sedikit pembedaan tentang soalan 13. Saya telah mengajukan soalan ini kepada Kementerian Kewangan, bukan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Soalan No. 13.

**PERKIRAAN FAEDAH ATAS BAKI
BULANAN DI BAWAH
PERJANJIAN SEWA BELI**

13. Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilakah kadar faedah pinjaman di bawah Perjanjian Sewa Beli akan dikenakan mengikut baki akhir bulanan berbanding dengan sekarang yang dikira berdasarkan tempoh pinjaman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini memang lewatlah. Saya jawablah. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna belum bercadang untuk melaksanakan perkiraan faedah di bawah Akta Sewa Beli 1967 mengikut perkiraan faedah atas baki bulanan atau dengan izin, monthly rest. Kementerian berpendapat perkiraan faedah mengikut kadar tetap maksimum 10% setahun itu adalah wajar dan berpatutan dengan mengambil kira risiko tinggi yang ditanggung oleh pihak yang memberi pinjaman.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab dengan lebih bertanggungjawab lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. *(Disampuk)* Dia tidak ada tanggungjawab langsung. Perkara serius tidak mahu berikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua...*(Disampuk)* Ini perkara serius. Jangan main-main. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, sila majukan soalan. Sila kemukakan soalan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *(Bangun)*

Tuan Lim Guan Eng: Apa hendak lagi?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Kita boleh siasat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan berikan bukti bila-bila masa. Ada banyak kes seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, soalan itu sudah selesai ya.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bilakah pihak kerajaan akan meminda undang-undang yang sedia ada tentang pengiraan kadar faedah di bawah Perjanjian Sewa Beli kerana ini merugikan banyak peminjam kerana sistem kiraan mereka adalah berdasarkan flat rate dan sungguhpun nominal interest rate, dengan izin, adalah rendah tetapi effective interest ratenya adalah satu kali ganda lebih daripada apa yang dimeteraikan dalam perjanjian sewa

beli. Oleh sebab itu, sungguhpun pihak kerajaan telah menyatakan berkali-kali bahawa mereka mungkin menimbang untuk meminda peruntukan ini, adakah pihak kerajaan akan memastikan bahawa semua syarikat kewangan akan mengenakan kadar faedah mengikut kadar pasaran dan bukan secara flat rate yang merugikan para pengguna?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna belum bercadang untuk meminda akta ini. (*Ketawa*) Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Itu DAP lembu!

**PROJEK JALAN LINGKARAN
DALAM JOHOR BAHRU—
KEMAJUAN PEMBINAAN DAN
SEBAB KELEWATAN**

14. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai projek inner ring yang dirancangkan di Bandaraya Johor Bahru:

- (a) siapakah kontraktor yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek tersebut dan setakat manakah (peratusan) projek tersebut telah terlaksana dan bilakah projek tersebut dijangka siap mengikut tawaran yang dijanjikan oleh kontraktor terbabit dan apakah pihak kontraktor menepati tarikh siap seperti yang dinyatakan; dan
- (b) sekiranya berlaku kelewatan, apakah sebab-sebab kelewatan dan berapa lamakah lagi kelewatan tersebut akan berterusan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Skop kerja projek Jalan Lingkaran Dalam Johor Bahru, atau dengan izin, Johor Bahru Inner Ring Road, melibatkan pembinaan jalan

sepanjang 4.85 km bermula dari Jalan Abu Bakar di sebelah barat dan berakhir di Bukit Meldrum di sebelah timur Bandar Johor Bahru. Projek ini dibahagi-bahagikan kepada 5 pakej. Kini hanya pakej 1 dalam pembinaan. Kontraktor yang terlibat ialah Syarikat MMC Engineering Sdn Bhd. Pakej ini dijangka siap pada 5 Julai 1996. Status kemajuan pembinaan setakat ini ialah 47% sahaja berbanding dengan 79% mengikut jadual.

- (b) Kelewatan pelaksanaan pakej 1 adalah atas sebab-sebab berikut:
 - (i) Masalah pengambilan tanah di mana tapak hanya dapat diserahkan kepada kontraktor secara beransur-ansur kerana perlu menyelesaikan isu bayaran pampasan dan pemindahan penduduk/tuan tanah yang terlibat.
 - (ii) Masalah pengalihan kemudahan awam seperti kabel Telekom, Tenaga Nasional Berhad dan paip air Syarikat Air Johor yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembinaan jalan dapat dilaksanakan sepenuhnya. Perkara ini dirumitkan lagi apabila terdapat sebatang paip air berukuran 1.68 meter sepanjang 1000 meter kepunyaan Public Utilities Board of Singapore yang tertanam di bawah Jalan Yahya Aldatar, Jalan Teberau yang perlu diganti dengan yang baru sebelum ianya dapat dialihkan. Kerja-kerja pengalihan paip PUB ini telah pun disiapkan pada Oktober 1995.
 - (iii) Dengan penyelesaian masalah-masalah yang tersebut di atas adalah dijangka pelaksanaannya akan dapat dipertingkatkan lagi.

AKTA KWSP— CADANGAN MENGGUBAL SEMULA

15. **Dato Haji Hanafi bin Ramli** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk menggubal semula Akta KWSP yang lama bagi membolehkan agensi berkenaan berfungsi dengan lebih berkesan dan menepati kehendak-kehendak semasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas keberkesanan perjalanan KWSP agar ia dapat berfungsi dengan berkesan dan teratur bagi membolehkan KWSP memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada ahli-ahlinya.

Kerajaan telah menggubal semula Akta KWSP 1951 pada tahun 1991 di mana beberapa perubahan telah dibuat bagi membolehkan KWSP berjalan dengan lebih lancar dan berkesan mengikut kehendak semasa.

Pindaan kepada Akta KWSP juga dijangka akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini pada tahun ini bertujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan pelaburan KWSP serta memperkemaskan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan KWSP.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan tahunan KWSP 1994 yang diterima pada tahun 1996, yang menyatakan bahawa bagi meningkatkan pendapatan KWSP akan melabur sama ada dalam negeri dan luar negeri. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, apakah bentuk-bentuk atau jenis pelaburan luar negeri dan adakah pelaburan-pelaburan ini akan mendatangkan pulangan serta tidak merugikan KWSP?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan luar negeri terlalu sedikit dan peratusan pelaburan tambahan mengenai perkara ini kita akan lihat apabila kita membentangkan pada Dewan yang mulia ini Akta baru yang berkenaan. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Yan jenis-jenis pelaburan KWSP pada tahun 1995 di dalam negeri sahaja iaitu:

<i>Jenis</i>	<i>Peratusan</i>
Sekuriti Kerajaan Malaysia	40.81%
Pasaran wang	29.70%
Pinjaman	17.86%
Ekuiti	11.28%
Hartanah	10.38%
Jumlah	100%

Kadar dividen bagi tahun 1995 ialah 7.5%.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita semua maklumi bahawa KWSP adalah satu agensi yang tertua di negara kita ini, yang memainkan peranan untuk memberi pertolongan kepada pekerja-pekerja awam terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah.

Setakat ini KWSP hanya memberi pulangan paling banyak ialah 8.5% dan paling mendukacitakan kita baru-baru ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat?

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Soalnya apakah dengan penggubalan Akta yang baru ini kerajaan dapat menjamin pulangan yang lebih baik kepada penyimpan-penyimpannya sebagaimana yang telah diberi oleh agensi-agensi lain seperti Tabung Haji, Amanah Saham Nasional dan ASB?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri semalam, yang mengatakan bahawa kadar dividen KWSP adalah stabil dalam jangka masa yang panjang dan tidak dipengaruhi oleh turun naik keadaan ekonomi. Contohnya apabila ekonomi mengalami kemelesetan pada pertengahan tahun 1980 misalnya, pada tahun itu pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi adalah cuma 1%, manakala dividen yang telah diberikan adalah 8.5% ini adalah kerana lebih daripada 8.5% daripada pelaburan KWSP adalah di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia, yang memberi pulangan purata sebanyak 8.3%. Jadi, di sini saya ingin menegaskan bahawa ini tidak ada kena-mengena dengan keadaan ekonomi semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 16 hingga 43 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (No. 2) (1995) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan." (27hb Mac 1996)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ledang silasambung, Yang Berhormat ada 15 minit lagi.

3.38 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan saya suka menyambung perbahasan saya semalam iaitu dalam usaha kita

melaksanakan pembangunan insan seutuhnya mengikut acuan kita sendiri yang berteraskan pada nilai-nilai akhlak dan budi pekerti sesuai dengan tuntutan agama dan bangsa. Usaha murni ini sebanyak sedikit terhalang kerana ada sesetengah di antara kita yang terlalu taksud dengan nilai-nilai barat sebagai 'role model' yang lebih unggul dan superior dan perlu dicontohi sebagai tanda kemajuan dan pemodenan.

Walaupun nilai-nilai barat ini banyak yang membawa padah dan akibat kepada kita, sebagai contoh bahawa kita adalah pemuda yang setia kepada nilai-nilai barat ini, bahawa kita adalah maju dan moden. Jika di barat terdapat satu kegilaan terhadap persembahan konsert secara besar-besaran, maka di sini pun apa kurangnya.

Kita juga mampu mengadakan konsert secara besar-besaran ada battle of the rocks dan yang sedang ditunggu oleh para remaja sekarang ialah Benson & Hedges of limit tour yang menggegarkan, mengikut istilah DJ-DJ Radio dan TV. Lagi sekali kita akan melihat satu suasana kegilaan yang mengkhayalkan dan mengasyikkan para remaja kita dan dengan perasaan sedih juga, saya nyatakan bahawa kebanyakan mereka adalah remaja-remaja Melayu. Itu belum lagi diambil kira pelbagai maksiat yang berlaku sama ada sebelum, semasa dan selepas persembahan konsert itu dan remaja-remaja inilah juga yang kita harapkan dapat menjadi generasi yang berwawasan. Generasi yang mempunyai ketahanan fizikal dan mental, generasi yang mempunyai akhlak dan budi pekerti yang mulia, memiliki iltizam dan komited terhadap perjuangan dan cita-cita bangsa, agama dan negara.

Saya tidak tahu pada siapakah rintihan ini wajar ditujukan? Tetapi saya kira dan harap ada kementerian-kementerian yang merasa bertanggungjawab dan memberikan perhatian terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, media-media elektronik seperti TV, filem dan media-media cetak, seperti akhbar dan majalah-majalah turut memeriahkan lagi suasana

ini dengan memberikan penekanan yang amat berlebihan terhadap aspek hiburan yang boleh mengkhayal dan melalaikan. Penekanan yang berlebihan terhadap aspek hiburan, lebih-lebih lagi seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita, iaitu kita sedang menghadapi ancaman bidang penyiaran baru dengan kemunculan siaran TV melalui satelit yang antara lainnya membawa rakyat berhadapan dengan pelbagai rancangan luar negara yang nilai-nilai dan budayanya tidak secocok dengan budaya kita. Kesemuanya ini akan menjadikan dunia hiburan di tanah air kita lebih meriah, ghairah dan mengasyikkan.

Kuiz-kuiz di TV yang digemari oleh anak-anak muda kita kebanyakannya hanya berkisar kepada nama-nama artis, pelakon-pelakon, penyanyi-penyanyi dan lagu-lagu hit semasa. Tema-tema filem muzik tempatan yang mendapat sambutan sering menggambarkan kejayaan anak-anak muda walaupun tanpa pendidikan dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Cukup hanya dengan berbekalkan sebuah gitar tong berhijrah daripada kampung ke bandar, mula-mula menjadi seniman jalanan, kemudian menjadi superstar yang digilai oleh ribuan peminat-peminat dan menjadi popular dan hidup dalam dunia glamour yang mengasyikkan. Filem-filem kita tidak banyak menampilkan unsur-unsur keilmuan dan pembangunan insan. Yang banyak dan popular ialah filem-filem yang berunsur hiburan yang bercorak simplistic dan mengkhayalkan.

Ada di antara remaja kita yang meninggalkan pelajarannya dan mengambil jalan singkat untuk menjadi popular dengan menjadi artis, dan berita mereka ini disiarkan di akhbar-akhbar atau majalah-majalah. Maka ramailah anak-anak muda yang termimpi-mimpi untuk mengikut jejak langkah artis-artis pujaan mereka ini tanpa perlu penat-penat belajar. Apakah kesemuanya ini secocok dengan budaya

kita dan selaras dengan hasrat wawasan pemimpin dan cita-cita negara kita? Apakah gejala-gejala seperti ini dapat membantu kita mencapai pembangunan insan seutuhnya dan mencapai taraf negara maju seperti yang diharap-harapkan?

Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui artis mempunyai pengaruhnya tersendiri terhadap pemikiran dan tingkah laku anak-anak muda kita. Mereka diharapkan menjadi role model kepada para remaja kita. Dengan sebab itu, pengaruh mereka ini perlu disalurkan dan dimanfaatkan ke arah matlamat yang positif dan konstruktif selaras dengan usaha pembangunan insan yang kita ingini. Saya kira sudah sampai masanya pihak Kementerian Penerangan dengan kerjasama persatuan-persatuan artis di negara ini merancang program bina insan untuk para artis mereka supaya mereka dapat dibekalkan dengan ciri-ciri role model yang berkualiti dan positif untuk dijadikan ikutan dan contoh oleh peminat-peminat mereka yang terdiri daripada para remaja ini.

Sebagai role model, kita tidak mahu mereka memaparkan peranan yang negatif seperti penagihan dadah, keluar masuk mahkamah kerana tuduhan berkhawat dan bersekedudukan ataupun memandu tanpa lesen dan menganggap perkara itu adalah perkara biasa sahaja. Kita mahu mereka menjadi role model yang berkualiti, yang berakhlak, berilmu pengetahuan, mematuhi undang-undang negara, bermaruah selaras dengan tuntutan agama dan negara dan bertepatan dengan Titah Diraja, iaitu seluruh rakyat perlulah memperkuatkan benteng moral bagi menghadapi ancaman dan menangkis gejala-gejala yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah kita bersyukur kerana dengan kegigihan para pemimpin kita, maka negara kita kini sedang mencipta nama dan imej yang cukup baik di peringkat antarabangsa dari segi kehebatan pimpinannya, kestabilan politik

dan kemantapan ekonomi, kejayaan kita dalam forum-forum antarabangsa, keharmonian yang wujud di antara kaum-kaum di negara ini dan sekarang ini kita memberikan tumpuan kepada industri pelancongan negara. Industri pelancongan negara pada masa ini mengalami pertumbuhan yang pesat dan berpotensi tinggi. Usaha mempromosinya akan terus dipergiatkan lagi di semua pasaran pelancongan utama bertujuan untuk meletakkan Malaysia di peta pelancongan dunia. Demikianlah tingginya harapan kerajaan kita terhadap industri pelancongan yang bukan sahaja sebagai satu sumber pendapatan negara, tetapi tidak kurang pentingnya ialah sebagai satu usaha menjadikan Malaysia terkenal di peringkat antarabangsa. Tetapi kita merasa terkilan jika ada pihak-pihak tertentu yang bertindak secara tidak bertanggungjawab dan boleh mencacatkan usaha-usaha murni ini.

Sebagai contoh, akhbar *The New Straits Times*, keluaran 5hb Mac, 1996, di ruangan Letters, seorang pelancong Jerman menulis daripada Berlin, bernama M.M. Kohout, dengan tajuk, "Cut throat taxi driver and religious people marred holiday." Beliau menulis, tambang yang dikenakan oleh pemandu teksi daripada Lapangan Terbang Subang ke sebuah hotel di Kuala Lumpur ialah sebanyak RM250 dan menggunakan kekerasan dan ugutan untuk memaksa pelancong itu membayar jumlah tersebut, dan beberapa lagi pengalaman pahit yang dialaminya semasa berada di Malaysia. Di akhir surat itu beliau menulis, dengan izin, "we will tell our travel agency in Germany about our bad experiences. We also plan to write to our newspaper to let our people know our bad experiences in Malaysia."

Saya tidak tahu sama ada perkara-perkara seperti ini ada di dalam perhatian kementerian-kementerian berkenaan, iaitu Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan. Dan adakah apa-apa tindakan diambil untuk membetulkan perkara ini? Sesungguhnya ini bukan perkara remeh dan enteng, kerana jika

berita seperti ini tersiar di akhbar-akhbar di Germany dan dibaca oleh ribuan atau jutaan rakyat Jerman, sudah tentu ianya akan menjejaskan nama baik negara yang sedang dibina dengan susah payah oleh pemimpin-pemimpin kita. Jika perkara seperti ini dibiarkan berlarutan begitu sahaja tanpa mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab, maka segala usaha untuk meletakkan Malaysia di peta pelancongan dunia sudah pasti tidak akan mencapai matlamat. Dan sesungguhnya rintihan Mr. M.M. Kohout ini adalah dengan izin, 'just tip of the iceberg' sahaja. Banyak lagi insiden-insiden lain yang berlaku tanpa dilaporkan.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan sama ada rintihan pelancong daripada Jerman ini disedari oleh kedua-dua kementerian? Dan jika disedari, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengesan dan menghukum pemandu yang tidak bertanggungjawab dan merosakkan nama negara dan imej negara yang baik. Apakah langkah seterusnya untuk memastikan perbuatan seperti ini tidak lagi akan berulang?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang terus memberikan tumpuan kepada kegiatan pertanian kerana rakyat di luar bandar masih terlalu bergantung kepada sektor ini. Usaha-usaha memaksimumkan pembangunan tanah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat luar bandar perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh. Di negara kita masih terdapat banyak tanah terbiar yang perlu dimajukan, termasuklah tanah-tanah milik individu yang melibatkan banyak nama dan ada di antara mereka yang telah meninggal dunia atau pun tidak dapat dikesan.

Sudah sampai masanya Kementerian Pertanian dan Kementerian Tanah mewujudkan satu mekanisme bersama yang bertujuan meneliti dan menyasiat kes-kes tanah terbiar seperti ini dan lain-lain kes

tanah terbiar di seluruh negara dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri supaya kedudukan tanah-tanah terbiar sebenarnya dapat dikenal pasti dan program pembangunannya dapat dirancang dan diusahakan mengikut kesesuaian tanah itu oleh agensi-agensi kerajaan seperti FELCRA dan lain-lain. Langkah ini sekali gus akan dapat meningkatkan pendapatan para petani, meningkatkan pengeluaran pertanian untuk kegunaan tempatan dan untuk dieksport serta membantu mengurangkan kadar defisit negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup setakat itu dan saya dengan ini menyokong Usul Mengucapkan Terima Kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.

3.49 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa tidak lebih dari empat tahun lagi kita akan memasuki abad ke-21. Bagi rakyat Malaysia, kita sebenarnya menanti-nantikan ketibaan abad yang baru ini, kerana kita mempunyai satu impian yang kita yakin akan dapat kita realisasikan menjelang tahun ke-20 dalam abad yang ke-21 nanti, iaitu Wawasan 2020.

Sejak program Wawasan 2020 disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 28hb. Februari 1991 yang lalu. Kita dapat perhatikan bahawa banyak rancangan rakyat Malaysia baik secara peribadi atau berorganisasi dari pihak swasta mahupun kerajaan yang dibuat selepas tarikh itu suka memasukkan rangkai kata Wawasan 2020.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa reaksi positif segenap lapisan masyarakat terhadap Wawasan 2020 ini adalah sesuatu yang cukup memberangsangkan dan komitmen ini juga telah menjadi daya penggerak yang bersepadu bagi rakyat Malaysia untuk terus berusaha mengejar pembangunan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, jika kita menyelami fikiran mereka yang begitu ghairah dengan projek Wawasan 2020 ini, kita akan dapati kebanyakan jika tidak keseluruhan daripada mereka ini menyamakan matlamat Wawasan 2020 dengan gagasan menjadikan Malaysia sebuah negara industri baru pada tahun 2020 atau membolehkan masyarakat Malaysia hidup dalam satu persekitaran yang dilengkapi pelbagai kemudahan berteknologi canggih pada abad ke-21.

Pada hakikatnya, Wawasan 2020 yang menerajui arah perjuangan kita menjelang abad yang akan datang mencakupi sembilan aspek cabaran yang bukan semata-mata diasaskan kepada pendapatan per kapita yang sama dengan negara-negara lain yang ditakrifkan sebagai maju. Tetapi ia lebih menjurus kepada mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial, dari segi peningkatan ekonomi ke aliran sosial, kestabilan politik dan sistem pemerintahan, meningkatkan mutu kehidupan masyarakat melalui nilai-nilai sosial dan kerohanian, mempunyai rasa bangga dan keyakinan terhadap bangsa sendiri.

Oleh yang demikian, demi menjayakan Wawasan 2020 secara total lagi komprehensif, kita perlu memberi penekanan seimbang antara pembangunan kebendaan dengan pengukuhan nilai-nilai yang lebih abstrak tetapi tidak kurang kepentingannya seperti keadilan sosial, budaya, penyayang dan moral masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai masyarakat penyayang, satu aspek yang ingin saya sentuh ialah masalah meninggalkan bayi yang baru dilahirkan

sehingga mengakibatkan kematian. Satu lagi hal yang akhir-akhir ini telah mendapat perhatian umum sekarang yang sering dapat kita lihat di kaca televisyen bukan lagi terhad kepada kanak-kanak yang merupakan mangsa pukulan atau deraan dengan luka berdarah di seluruh tubuh badan, tetapi yang lebih menyayat hati ialah terpaparnya di hadapan skrin televisyen mayat bayi yang baru lahir yang terjumpa di tepi jalan dengan tali pusatnya masih belum digunting.

Akta-akta telah digubal atau dipinda untuk menghukum mereka yang didapati mendera kanak-kanak dan kesedaran orang ramai telah meningkat terhadap pencegahan atau menyelamatkan kanak-kanak yang didera daripada terus menderita.

Namun untuk menangani masalah peninggalan bayi yang baru dilahirkan, penggubalan akta-akta yang bersifat menghukum jelas kurang berkesan untuk menyelamatkan mangsa yang terlibat kerana kebanyakan bayi terbiar, tidak lagi bernyawa ketika dijumpai dan sebarang hukuman yang kemudiannya dijatuhkan ke atas si ibu tidak mendatangkan apa-apa kesan terhadap mangsa yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, kita perlu memilih pendekatan yang bersifat mencegah dan bukannya bersifat menghukum, sekiranya dihalusi kes-kes yang telah berlaku, kita akan dapati bahawa kebanyakan bayi yang terbiar adalah anak yang dilahirkan di luar nikah. Dalam celah-celah kita meraikan kejayaan demi kejayaan terpaksa kita menghadapi juga dengan keruntuhan akhlak yang begitu ketara di kalangan rakyat kita.

Sebagaimana yang dapat kita perhatikan, dalam perlumbaan kita mengumpul kekayaan, kita telah mengetepikan nilai-nilai moral pada mulanya usaha kita mengejar pembangunan dan kemajuan adalah demi satu kehidupan yang lebih selesa dan bahagia tetapi dengan

tertimbulnya pelbagai masalah sosial berikutan keruntuhan akhlak, adakah kita hidup selesa dan bahagia dengan kekayaan harta benda kita?

Nampaknya sudah tibalah masanya bagi Kerajaan Barisan Nasional yang telah menerima mandat daripada rakyat untuk memerintah dan mentadbir negara ini sejak merdeka melipatgandakan usaha ke arah mengimbangkan pembangunan aspek kemanusiaan (humanisme) seiring dengan pencapaian kemajuan kebendaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu keadaan yang selalunya mendorong pemuda-pemudi berkelakuan liar ialah mereka tidak lagi duduk dengan ahli keluarga kerana meninggalkan kampung halaman mencari rezeki di bandar-bandar besar. Misalnya yang selalu dapat kita dengar ialah perbuatan tidak bermoral antara gadis-gadis dari desa yang bekerja di kilang dengan lelaki di bandar.

Saya tidak berniat untuk melabelkan pekerja-pekerja kilang sebagai golongan yang tidak bermoral, sebaliknya tujuan saya membawa isu ini adalah untuk direnung bersama dalam Dewan yang mulia ini supaya perhatian yang sewajarnya dapat diberikan terhadap dimensi ini dalam menyusun rancangan-rancangan pembangunan. Bagi saya, masalah ini bukanlah satu isu moral yang tersendiri tetapi lebih kepada masalah sosial yang cukup kompleks dalam perjalanan kita menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kenyataan bahawa peluang pekerjaan serta pendapatan bekerja di bandar adalah lebih menarik daripada di desa. Dalam wayang gambar cerita novel mahupun dalam realiti masyarakat kita, rumah-rumah besar serta kereta-kereta mewah hanya sanggup dimiliki oleh mereka yang bekerja di bandar. Faktor penarik ini telah mendorong penduduk desa berhijrah ke kota. Ditambah pula dengan faktor penolak di desa iaitu tanah-tanah sudah dibeli oleh tuan tanah

yang bermodal khususnya bagi tujuan spekulasi, maka tiada tanah yang dapat dikerjakan. Jadi, terpaksa lah pemuda-pemudi meninggalkan kampung untuk mencari rezeki di kota. Manalah tahu, kalau bernasib baik, boleh jadi kaya-raya dalam masa beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun mereka berhijrah ke bandar dengan cita-cita yang tinggi namun kebanyakan mereka hanya memiliki kelulusan persekolahan yang paling minimum dengan kelulusan yang rendah. Majoriti daripada mereka ini hanyalah dapat menjadi pekerja kilang dengan gaji yang murah. Dengan pendapatan yang sebegini, impian mereka untuk memiliki rumah besar dan kereta mewah tentulah sukar untuk menjadi kenyataan. Jadi, apa yang sebenarnya berlaku ialah satu mobiliti sosial mendarat iaitu dari golongan miskin desa ke golongan miskin kota. Lantaran itu golongan ini mengalami pelbagai tekanan sosial malah psikologi. Akibat kedudukan mereka ini mereka merasa tersingkir daripada pembangunan kota dan tidak bergaul dengan orang kota. Mereka juga kecewa kerana tidak mampu mengikut cara hidup penduduk bandar sebab duit tiada.

Dalam keadaan yang serba tertekan, mereka mula melakukan apa sahaja sesuka hati sebagai satu saluran melepaskan ketidakpuasan hati mereka. Hubungan seks yang rambang cuma satu contoh, ada yang menghisap dadah, ada pula yang menjadi pengedar dadah untuk mendapat duit lebih dan tidak kurang juga yang melacurkan diri untuk sebab yang sama dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dapatlah kita lihat bahawa implikasi penghijrahan penduduk desa ke bandar sebenarnya begitu kompleks dan perlu diurus dengan teliti. Salah satu perkara yang harus kerajaan lakukan ialah memantapkan lagi kualiti pendidikan anak-anak kampung supaya mereka boleh belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Ini akan menambahkan peluang pekerjaan mereka jika mereka berhasrat

mencuba nasib di bandar ataupun mereka akan mampu menjadi petani, pesawah atau nelayan yang lebih produktif daripada generasi orang tua mereka sekiranya mereka mengambil keputusan untuk tetap berada di kampung. Demi mencapai matlamat lain, kemudahan asas untuk pengajaran dan pembelajaran seperti perpustakaan dan bilik darjah di desa harus disediakan dengan secukupnya, begitu juga dengan tenaga pengajar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kerajaan juga harus mempergiatkan pembinaan infrastruktur ke kawasan luar bandar supaya kilang-kilang perusahaan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar. Dengan ini para penduduk kampung dapat menjadi pekerja di kilang yang dekat dengan tempat duduk mereka. Jadi, ibu bapa mereka masih dapat mengawal tingkah laku mereka dan dengan gaji yang mereka dapat mereka dapat hidup dengan lebih selesa di kawasan luar bandar yang kos hidupnya lebih rendah secara relatif berbanding dengan di bandar.

Pada satu ketika dahulu, kita menumpukan kepada proses pengagihan kekayaan yang lebih seimbang antara kaum, nampaknya kini kerajaan perlu mencurahkan lebih masa dan tenaga untuk menyelesaikan masalah pembahagian kekayaan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun dalam ucapan saya tadi penduduk bandar digambarkan sebagai satu golongan yang kaya dan hidup selesa dalam satu persekitaran yang serba moden tanpa sebarang masalah, tetapi sebenarnya ramai juga penduduk bandar yang hidup dalam kemiskinan akibat kos hidup yang melambung di bandar. Seperti penduduk desa, bukan semua penduduk bandar berkelulusan tinggi, bagi golongan yang bermodal, mereka boleh mengusahakan perniagaan sendiri, tetapi bagi mereka yang tidak bersijil dan juga tiada wang terpaksa mereka mencari kerja di tempat lain yang menawarkan ganjaran yang lebih tinggi.

misalnya, penduduk di sekitar bandar raya Johor Bahru akan melepasi Selat Tebrau untuk bekerja di negara Singapura. Kebanyakan daripada mereka ini juga bekerja di kilang. Satu contoh lagi ialah pemuda-pemudi dari bandar Ipoh di Perak pula suka mencari kerja di negara Jepun atau Taiwan kerana pekerjaan yang wujud di negara-negara itu menjanjikan upah yang lebih lumayan. Kemudian kekosongan yang wujud dalam negara kita sendiri terpaksa diisi oleh pekerja asing sama ada secara halal ataupun haram.

Dalam dunia perdagangan yang bertunjangkan fahaman kapitalis tentulah bukan satu kesalahan jika manusia meninggalkan kampung halaman untuk mencari rezeki. Siapa yang sanggup membayar gaji yang tinggi maka bekerjalah untuknya, yang perlu dihalusi ialah soal ini bukanlah cuma hubungan antara pekerjaan dan gaji semata-mata, ia sebenarnya membawa berbagai-bagai implikasi yang mendalam terhadap pembangunan negara bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan rakyat Malaysia yang bekerja secara haram di negara asing begitu ramai sekali terutamanya di negara Jepun dan Taiwan, kini rakyat Malaysia yang melawat ke negara-negara tersebut, walau dengan apa tujuan sekali pun sering dilayan dengan sikap yang kasar oleh Pegawai Imigresen mereka ketika kapal terbang mendarat di lapangan terbang negara terabit, kononnya setiap rakyat Malaysia yang pergi ke negara itu berhasrat untuk menjadi pekerja secara haram. Negara Jepun juga telah menghendaki rakyat Malaysia memohon dan mendapat visa sekiranya berhasrat melawat negara itu. Dengan visa pun belum janji akan dibenarkan masuk. Ramai juga pelawat dan peniaga dari Malaysia yang memegang visa juga pernah mempunyai pengalaman diarahkan pulang oleh Pegawai Imigresen Negara Jepun seperti mana nasib pendatang tanpa izin ke negara kita. Tindakan begitu secara tidak langsung telah menjejaskan imej negara kita. Sebagai

peringatan, Wawasan 2020 juga mengandungi satu cabaran untuk membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bebas, teguh dan terbentuk jiwanya, yakin akan diri sendiri dan dihormati oleh semua bangsa lain. Dengan lain kata sebarang kerja yang kita lakukan juga patut mengambil kira kesannya terhadap reputasi negara dan tidaklah hanya cuma berlandaskan pendapatan dari segi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, menurut perangkaan yang dikeluarkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chang See Ten: Ada sedikit lagi. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri, bilangan pekerja asing yang kini berada di Malaysia telah mencecah 2 juta orang berbanding dengan jumlah warganegara Malaysia yang baru menghampiri 20 juta orang.

Sektor pekerjaan yang mereka ceburi adalah berbagai, daripada pembantu di ladang kelapa sawit, pekerja di stesen minyak, buruh kasar di tapak binaan hinggalah kepada pembantu di rumah dan pelayan di kedai-kedai makan. Pada mulanya kedatangan mereka diresutui atas nama pembangunan, tetapi pada hari ini kita sudah dapat perhatikan bahawa berbagai masalah sosial juga turut meruncing dengan kemasukan mereka ke negara kita, bukan sahaja kes-kes jenayah meningkat, masalah rumah setinggalan juga semakin kritikal. Kini terdapat pula sindiket yang menjual dokumen perjalanan serta kad pengenalan palsu untuk golongan ini. Kegiatan ini telah mendatangkan ancaman yang mengesankan terhadap keselamatan dalam negara kita. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu mengambil perhatian tentang masalah ini.

Akhir kata, saya menyokong usul yang dibawa oleh rakan seperjuangan saya, Yang Berhormat dari Yan, iaitu suatu ucapan

yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka persidangan ini.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bandau.

4.11 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan pada hari Isnin yang lalu yang telah mengandungi perkara-perkara yang penting dan menyeluruh, bukan sahaja bagi Dewan yang mulia ini, tetapi juga bagi negara Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda telah menekankan hasrat kerajaan untuk meningkatkan dan menambah kemajuan di dalam berbagai bidang untuk rakyat keseluruhan. Adalah diakui bahawa ekonomi negara telah mencapai pertumbuhan yang boleh dikatakan memuaskan iaitu 8% selama 8 tahun yang berturut-turut dan dijangka bagi tahun ini, tahap 8.3% dibandingkan dengan 9.5% bagi tahun yang lalu, seperti mana yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Pendapatan per kapita negara yang dianggarkan meningkat daripada RM10,000 pada tahun 1995 kepada RM11,000 pada tahun 1996, iaitu dengan peningkatan sebanyak 10% adalah sesuatu yang kita terima dengan baik. Namun demikian, beberapa masalah ekonomi terus dihadapi oleh negara kita dan dalam bentuk ini, walaupun ekonomi negara nampaknya telah berkembang dengan pesatnya, tetapi masalah-masalah yang telah pun diutarakan

pada masa-masa yang lampau oleh pihak-pihak akademik, para pelabur dan juga umum keseluruhannya masih lagi belum diatasi oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengurusan ekonomi negara misalnya, banyak persoalan umum yang belum diselesaikan atau diatasi oleh pihak kerajaan, terutama soal kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi yang memang dilaung-laungkan oleh pihak kerajaan. Namun demikian, kadar pertumbuhan tinggi ini telah menimbulkan masalah defisit perdagangan yang tinggi, khasnya defisit akaun semasa yang telah dilaporkan oleh pihak Bank Negara sejumlah RM17 bilion.

Selain daripada itu, masalah inflasi yang terus meningkat, walaupun mengikut laporan quarter pada penggal yang lalu, sejumlah 3.4% mengikut CPI, dengan izin. Tetapi masalah ini sebenarnya adalah lebih serius daripada yang diterbitkan dalam laporan-laporan ataupun yang diberi oleh kerajaan.

Pada tahun yang lalu, kerajaan telah mengatakan tujuan untuk mengurangkan defisit akaun semasa khasnya dengan mengurangkan import barang-barang asas capital goods dan juga dengan memperkembangkan industri-industri tempatan untuk membekalkan capital goods ini, dengan izin, dan juga untuk mengurangkan atau to slow down, dengan izin, projek-projek besar atau gergasi yang sedang dilaksanakan di negara ini. Tetapi nampaknya defisit akaun semasa terus melambung ataupun terus kekal dengan jumlah yang besar sekali iaitu RM17 bilion.

Soalan kita dalam perkara ini ialah, adakah tindakan-tindakan untuk mengurangkan defisit telah berhasil dalam bentuk ini memandangkan masih terdapat RM17 bilion lagi? Maka, kita ingin bertanya, apakah kesan tindakan-tindakan yang telah diambil di atas perkara ini? Juga, apakah strategi-strategi yang lain untuk diambil supaya mengurangkan defisit?

Seterusnya, dengan defisit yang besar, adakah interest rate atau kadar pinjaman yang sedia ada pada saat ini dalam kadar yang tertinggi? Adakah ini the highest level ataupun adakah ini akan terus melambung naik sebagai satu langkah membendung inflasi dan juga untuk mengurangkan defisit?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita ingin bertanya, adakah pihak kerajaan, kalaulah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurus ekonomi dan seterusnya mengurus defisit akaun semasa telah berhasil, maka adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar pinjaman atau interest rate yang sedia ada pada saat ini?

Selain daripada itu, kita ingin bertanya, apakah sebabnya defisit akaun semasa ini terus dalam kadar yang tinggi disebabkan oleh kerana capital outflow daripada negara kita? Soalan-soalan seperti ini amatlah penting sebagai satu petanda dan haluan kepada para pelabur di negara kita baik di dalam negeri mahu pun di luar negeri.

Dari segi masalah inflasi pula, memandangkan inflasi terus naik, walaupun usaha melalui program "Inflasi Sifar" untuk mengurangkan ataupun mensifarkan inflasi, tetapi nampaknya masalah ini masih berterusan dan apakah tindakan-tindakan yang akan dibuat untuk menangani masalah ini supaya langkah-langkah yang dilaksanakan itu adalah berkesan atas masalah yang ingin dicapai?

Selain daripada itu, jika defisit akaun semasa terus melambung dan dengan penurunan direct foreign investment nanti, adakah Bank Negara akan terus mengurangkan masalah ini dengan terus menggunakan reserves untuk mengatasi dan mengurangkan defisit akaun semasa?

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang saya telah sentuh atau pertanyaan ini sangat penting, seperti mana yang saya sentuh tadi, untuk memberi gambaran dan haluan kepada para pelabur tentang pengurusan

ekonomi pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya, khasnya lewat kita masuk ke dalam ruang ataupun masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, masalah-masalah lain, khususnya yang berkaitan dengan perseimbangan di dalam soal pembangunan wilayah. Di dalam perkara ini, adalah satu kenyataan bahawa walaupun ekonomi negara, khasnya ekonomi di Semenanjung telah berkembang dengan pesat, walaupun ada masalah-masalah yang berkaitan dengannya, seperti mana yang telah saya sentuh, tetapi khususnya ekonomi negeri Sabah terus merosot. Masalah ini adalah ketara sekali walaupun dikatakan ekonomi negeri Sabah telah mulai tumbuh, tetapi sebenarnya belum ada pembangunan ekonomi yang ketara yang boleh dirasakan oleh rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam perkara ini, dari segi keseimbangan pembangunan, negeri Sabah terus ketinggalan dan pendapatan per kapita yang dianggarkan sejumlah RM11,000 bagi tahun 1996 ini tidak membawa erti kepada rakyat di negeri Sabah. Ini disebabkan pendapatan per kapita dengan kadar tersebut tidak dinikmati oleh rakyat di negeri tersebut kerana jumlah rakyat yang berada di dalam golongan miskin terus miskin walaupun janji-janji kerajaan untuk mengatasi masalah ini telah banyak dilaung-laungkan, tetapi belum dilaksanakan.

Kadar kemiskinan di negeri Sabah masih dalam peringkat 30% dan kalau di luar bandar, tidak kurang daripada 50%. Kalau di kawasan saya di Bandau, tidak kurang daripada 75% daripada penduduk di sana adalah dalam golongan yang dikatakan miskin. Jadi, kita bertanya kepada kerajaan, apakah tindakan-tindakan yang dibuat untuk menangani masalah ini, sesuai dengan janji-janji kerajaan untuk mengatasinya?

Soal ketidakseimbangan dalam pembangunan timbul bukan sahaja dalam perkara pertumbuhan ekonomi negeri Sabah, tetapi juga dalam perkara pembangunan luar bandar, khasnya dalam pembangunan infrastruktur dan pembasmian kemiskinan yang telah saya sentuh tadi.

Dari segi pembangunan infrastruktur, keadaan negeri Sabah amatlah memerlukan perhatian yang lebih serius, jujur dan simpati oleh Kerajaan Pusat. Janji-janji Sabah Baru yang begitu tinggi sekali yang bertujuan membawa pembaharuan kepada keadaan ekonomi negeri Sabah dan keadaan ataupun status ekonomi rakyat khasnya pembangunan infrastruktur masih sekadar janji sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada usaha untuk menunaikan janji-janji tersebut dengan cara luas kerana keadaan infrastruktur khususnya bekalan elektrik, air, telefon, pembinaan dan pembaikan jalan raya terus kekal dalam keadaan mundur, kekurangan dan terbengkalai.

Tadi Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan soalan tambahan kepada soalan saya mengenai jalan raya Kota Kinabalu ke Kudat dalam beberapa kampung di mana kira-kira dua kali seminggu saya melintasi kawasan tersebut iaitu di antara jalan raya Kota Kinabalu dan Kudat iaitu di antara kampung seperti Pandasan, Timbangmangaris, Ulu Kukut dan ini berlubang cukup besar. Kalau hujan lebat, kerbau pun boleh mandi dan tidak tahu berapa dalam dan kesesakan jalan raya kerana kenderaan takut melintasi jalan tersebut. Tetapi malangnya Menteri Kerja Raya pun sengaja tidak menjawab soalan saya dan saya rasa ini tidak bertanggungjawab sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya janji-janji Sabah Baru sepertimana yang telah saya sentuhkan tadi adalah janji-janji yang baik sebenarnya. Mengosongkan kemiskinan, memastikan supaya semua rakyat negeri Sabah boleh membaca, tidak ada illiteracy rate, dengan izin, pada

tahun 2000, memastikan supaya 2,000 batu jalan raya dibina. Semuanya indah sekali. Tetapi yang baru setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah serangan lanun di Semporna, masalah penggiliran jawatan Ketua Menteri, perubahan Perlembagaan Negeri, pemansuhan 20 perkara, ini sahaja yang baru tetapi yang sebenarnya dari segi janji-janji pembangunan, belum ketara penunaian janji-janji tersebut.

Seterusnya kita menuntut kepada pihak kerajaan supaya jangan kita menanam tebu di bibir sahaja tetapi benar-benar untuk menolong rakyat seperti mana yang diutarakan dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia supaya pembangunan kepada semua pihak itu dinikmati oleh rakyat keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, dari satu perkara yang saya ingin utarakan juga di sini ialah masalah yang dihadapi di peringkat negeri saat ini ialah masalah berkaitan dengan cadangan Kerajaan Pusat untuk mengubah Perlembagaan negeri sebagai satu langkah untuk menyelesaikan masalah penggiliran jawatan Ketua Menteri. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kita amatlah kesal dan kita amatlah terperanjat di mana Perlembagaan Negeri Sabah perlu diubah suai untuk mengurangkan kuasa Ketua Menteri. Sebab dikatakan Ketua Menteri Sabah ini terlampau besar kuasanya, terlampau tinggi kuasanya, dia boleh kasi kaya, kasi miskin orang tanpa bertanya kepada mana-mana pihak. Dalam soal ini pun tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Kerana dalam suatu pentadbiran, saya percaya kalau hendak membuat sesuatu tindakan kita perlu tanya kepada mana-mana pihak dan Ketua Menteri pun perlu bertanya kepada penasihat-penasihat kerajaan iaitu pegawai-pegawai kerajaan sama ada bolehkah tidak boleh untuk melaksanakan atau menyusun sesuatu projek ataupun sesuatu program, ataupun bertanya kepada Solicitor General, AG - adakah boleh kita ambil tindakan seperti ini. Maka tidaklah betul mengatakan bahawa Ketua Menteri itu boleh berbuat

apa juga tanpa bertanya kepada mana-mana pihak. Dalam sistem kabinet pentadbiran negeri dan negara, sistem check and balances tentu sahaja ada. Maka, kata-kata sedemikian tidak betul Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk mengubah Perlembagaan, tujuan untuk mengurangkan kuasa Ketua Menteri dengan mengubah Perlembagaan harus sama sekali tidak timbul kerana kuasa-kuasa Ketua Menteri di Negeri Sabah sama dengan kuasa-kuasa Menteri-menteri Besar ataupun Ketua-ketua Menteri di negeri yang lain yang mempraktikkan sistem kabinet. Lagipun Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dalam Perlembagaan Negeri Sabah yang mengandungi kuasa Ketua Menteri di dalam pentadbiran. Kuasa Ketua Menteri adalah termaktub di dalam undang-undang dan enakmen-enakmen yang tertentu yang ada kaitan dengan tanggungjawab beliau. Itu pun Tuan Yang di-Pertua, tidak dikatakan dalam bil-bil atau enakmen ini, bahawa nama Ketua Menteri tersebut, ia hanya mengatakan "Menteri yang berkenaan" dan kalau Ketua Menteri mengagihkan tugasnya, misalnya kuasa pentadbiran dalam perkara tanah atau hutan diberi kepada menteri yang lain, maka tidak timbul untuk mengurangkan kuasa kepada Ketua Menteri. Jadi, soal-soal seperti ini Tuan Yang di-Pertua, haruslah pihak Kerajaan Pusat berjaga-jaga kerana ini satu encroachment kepada hak-hak negeri dan untuk tujuan mengeratkan integrasi nasional dan juga untuk menyatu padukan rakyat dan juga untuk membentuk pembangunan ataupun pentadbiran yang stabil dan juga sentiasa bekerjasama, Kerajaan Pusat haruslah berjaga-jaga supaya tidak melaksanakan tindakan-tindakan seperti ini di mana pihak Pusat yang mencadangkan untuk mengubah Perlembagaan dan bukan pula Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di peringkat negeri yang rasa bahawa perlu mengubah. Ini satu encroachment of

the highest order dan ini harus ditarik balik dan ini harus tidak diteruskan kerana akibatnya kepada perpaduan rakyat dan juga kepada soal kerjasama negeri antara Pusat dan juga bagi menentukan satu precedent kepada Perlembagaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam perkara ini, kalaulah Perlembagaan Negeri Sabah diubah dengan tujuan menyelesaikan masalah giliran Ketua Menteri, ini satu tindakan yang amat dikesali dan tidak akan menyelesaikan masalah tersebut. Masalah giliran jawatan Ketua Menteri adalah masalah politik. Kenapa kita perlu mengubah Perlembagaan untuk menyelesaikan sesuatu masalah politik.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam perkara ini, memang dari dulu pendekatan Parti Bersatu Sabah di dalam soal giliran Ketua Menteri ini kita sudah menolak dari asal. Bukan kita menyokong kepada pihak UMNO tetapi untuk mempertahankan keutuhan Perlembagaan Negeri Sabah. Di sana ia mengatakan bahawa Ketua Parti yang mendapat majoriti haruslah yang dilantik menjadi Ketua Menteri dan kalau orang yang tiga sahaja ADUNnya menjadi Ketua Menteri, ini yang bertentangan dengan Perlembagaan Negeri Tuan Yang di-Pertua. Sedangkan dalam perkara ini, kalaulah giliran Ketua Menteri diteruskan bukan sahaja bertentangan dengan Perlembagaan Negeri, ia juga mengakibatkan tidak stabil dalam pentadbiran kerana continuity dari segi polisi, dari segi dasar, dari segi stail pentadbiran mempunyai akibat yang buruk. Selain daripada itu, di mana pemimpin yang tertinggi, Chief Executive Officer of the state, dengan izin, bertukar dalam masa yang singkat Tuan Yang di-Pertua, maka pelabur-pelabur (investors) juga berfikir mahu pergi ke negeri kerana pasti ada perubahan dari segi corak pentadbiran dan juga stail pengurusan negeri.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, masalah seterusnya dalam perkara ini ialah di mana kita ada masalah

dari segi soal kuasa Ketua Menteri. Dalam masa dua tahun, Ketua Menteri itu akan berhabis-habis kemungkinan, untuk menggunakan wang yang ada mahupun ekonomi kepada pasukannya dengan harapan tidak ada lagi untuk pasukan yang seterusnya kerana jangka masa itu pendek. Jadi, akibatnya secara keseluruhan Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri ini luas sekali dan satu cadangan untuk mengatasinya bukan dengan mengubah Perlembagaan. Kerana mengubah Perlembagaan tiada kaitan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ia hanya akan menimbulkan perkara baru, ia barangkali boleh mengatasi masalah secara jangka pendek tetapi bagi jangka panjang ia akan dieksploitasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Satu penyelesaian yang unggul, yang terbaik bagi negeri Sabah untuk pihak Kerajaan Pusat menyelesaikan masalah ataupun cadangan penggiliran Ketua Menteri ini ialah dengan membubarkan Dewan Undangan Negeri, membenarkan rakyat untuk mengundi semula, siapa kerajaan yang harus boleh dan layak untuk menjadi parti pemerintah di negeri tersebut. Maka semua soal meminda perlembagaan, semua soal kuasa Ketua Menteri tidak akan timbul lagi sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengambil peluang sedikit menyentuh sekali lagi perkara cadangan untuk memansuhkan 20 perkara. Ini adalah satu perkara yang telah pun disentuh beberapa kali, tetapi sekali lagi saya merayu sebagai dari golongan para intelek dan pernah bertugas di Kuala Lumpur ini.

Saya ingin mengatakan. Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam perkara-perkara atau syarat-syarat penubuhkan Malaysia ini, pemimpin-pemimpin Persekutuan haruslah berjaga-jaga dan bertindak

dengan waras, bertindak dengan cukup sensitif kerana perkara-perkara asasi, perkara 20.

Perkara Perjanjian Malaysia itu adalah perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Jadi, kalau pihak Pemuda UMNO sekadar untuk mahu 'score point', dengan izin dan membangkitkan perkara itu, ini tidak akan menguntungkan negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita mewujudkan negara yang bersatu padu, sebenarnya kita harus menanam semangat kesefahaman dan tindakan-tindakan seperti begitu, iaitu memansuhkan 20 perkara dan sebagainya bukan sahaja tidak diinginkan, tetapi merugikan rakyat keseluruhannya. Kerana penubuhan Malaysia adalah berasaskan kepada Perjanjian Malaysia dan Perjanjian Malaysia adalah berasas kepada syarat-syarat yang dipohon, yang diminta oleh pemimpin dan rakyat negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 1963.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukuhkan negara kita dan perpaduan negara kita, kita harus sentiasa bersatu padu kerana

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelutong bangun, tetapi masa tidak mengizinkan, cuba singkatkan.

Tuan R. Karpal Singh: Perkara 20 point ini, yang menjadi satu syarat Sabah dan Sarawak memasuki Malaysia. Adakah had pada 20 point ini? Adakah pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak dalam Dewan yang mulia ini bersedia jika satu pindaan dibuat kepada perlembagaan, bersetuju bahawa 20 point ini dihapuskan? Adakah Yang Berhormat bersetuju jikalau satu pindaan dibuat sepertimana saya cadangkan tadi?

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memang jawapannya Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum kerana saya telah sentuhkan tadi 20 perkara ini adalah asas kepada Perjanjian Malaysia. Saya percaya kalau ada persoalan mengenainya haruslah melalui meja perundingan dan sesuatu tindakan untuk menghapuskan adalah satu penderhakaan kepada syarat-syarat Perjanjian Malaysia yang telah dipersetujui oleh 'The Malaysian Builders' pada tahun 1963, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dalam perkara ini kita telah membuat laporan polis untuk penyiasatan dan kita minta pada pihak polis yang bebas dan adil supaya menyiasat perkara ini dengan sesungguhnya-sungguhnya. Sepertimana yang kita lihat ini adalah satu hasutan kepada rakyat negeri Sabah untuk membangkitkan perasaan marah dan tidak senang hati dan supaya perkara ini tidak perlu lagi dibangkitkan semula, khususnya oleh pemimpin-pemimpin Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, saya akan menggulung, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sekali lagi masalah pendatang asing atau pendatang haram serta kejadian di Semporna dalam mana kurang dari 2 bulan sudah 2 rompak berlaku, bahkan dalam minggu ini juga ada lagi berlaku kekacauan di sana. Lahirnya masalah ini adalah kesilapan ataupun masalah pengurusan keselamatan di mana kita bermain-main dengan para pendatang asing dan pendatang haram, sehinggalah mereka mendapat kad pengenalan, menjadi pengundi dan akhirnya mereka bermastautin di sini. Baguslah kalau mereka bermastautin dan mematuhi undang-undang kita, tetapi

mereka, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita tahu bertindak sebagai lanun (bandit), dengan izin dan apa yang terjadi di sana adalah lahir daripada itu.

Kita merayu kepada pihak kerajaan supaya mengambil perkara ini dengan berat, mengambil perkara yang terjadi di Semporna sebagai satu contoh di mana kita tidak harus bermain-main dengan perkara yang amat penting ini, kerana ini adalah perkara keselamatan negara dan masa depan anak-anak kita, keutuhan negara kita, integrity of the nation, dengan izin, adalah sudah terancam kerana dengan penyelewengan, kerana tidak mengambil berat, kerana dengan permainan politik mengenai perkara pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam perkara ini sekali lagi saya merayu supaya cadangan Kerajaan Pusat untuk menubuhkan satu Naval Base di Kota Kinabalu itu dipindah kepada sebelah timur kerana di sanalah yang memerlukan Naval Base. Di sanalah yang memerlukan pengkalan yang besar untuk mengatasi masalah-masalah serangan lanun dan masalah-masalah yang berkaitan dengan keselamatan khususnya dari segi masalah pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Duli Yang Maha Mulia agar isi kandungan titah Baginda itu betul-betul menjadi dasar kerajaan dan bukan sekadar kerajaan menanam tebu di bibir, tetapi menunaikannya untuk kebaikan negara Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kangan.

4.38 ptg

Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar): Terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk sama-sama memberi pandangan dan sekali gus menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan yang berkenaan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyeru semoga semua pihak di negara ini tampil memberi sumbangan agar kepimpinan rakyat negara ini dalam keadaan sejahtera, harmonis, bersatu padu dan aman, makmur agar sama-sama dapat mengecapi nikmat kemajuan dan pembangunan negara serta rakyatnya.

Dalam konteks ini, sukacita Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Polis kepada Polis DiRaja Malaysia yang menyambut Hari Polis ke-189 pada hari ini, di mana sumbangan tenaga dan perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia begitu tinggi dan mengekalkan sepertimana yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ini, tadi Yang Berhormat dari Gelang Patah ada menyebut 'kualiti', tidak hairanlah kerana kualiti juga ada disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam ucapannya. Jadi, apa yang kita dapat pastikan di sini, bahawa Malaysia hari ini menyeru kepada suatu yang berkualiti. Pokoknya kita diseru untuk menjaga dan meningkatkan kualiti hidup di negara ini. Pokoknya adalah kualiti manusia itu sendiri berserta dengan kualiti alam di sekelilingnya serta sikap dan nilai diri masing-masing. Dalam lain perkataan, apa yang kita harapkan pada hari ini ialah manusia berkualiti, produk berkualiti, perkhidmatan berkualiti dan juga alam sekitar yang berkualiti.

Asas kualiti ini ialah pada manusia itu sendiri dan asasnya adalah pada kesihatan. Kesihatan adalah menjadi perkara pokok dalam kehidupan kita, kalau kesihatan kita 'lekeh' bererti kerja serta produk kita juga akan 'lekeh'. Jadi, apa yang merungsingkan kita pada hari ini adalah virus HIV dan penyakit AIDS yang menjadi-jadi di negara ini. Gejala ini kalau tidak dikawal dan dicegah segera oleh semua pihak, negara kita akan menghadapi kehilangan sumber, dalam lain perkataan, kita akan menghadapi dengan izin, quality loss.

Mengikut Dr. Harrison Aziz Shahbuddin iaitu Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia, dalam *Utusan Malaysia*, Selasa 27hb Februari, 1996, pada penghujung September 1995 kita mempunyai sebanyak 13,642 kes HIV dan kes ini meningkat kepada 13,942 pada bulan Oktober dalam tahun yang sama.

Dan angka ini pula menjadi sebanyak 14, 226 kes pada bulan November tahun yang sama. Dengan lain perkataan, peningkatannya adalah pada kadar kira-kira 300 kes sebulan. Manakala pada akhir tahun yang sama juga beliau menyebut bahawa bilangan kes AIDS adalah meningkat kira-kira pada angka 314 kes.

Sesungguhnya isu HIV dan AIDS bukanlah merupakan isu kesihatan sahaja, malah ia juga merupakan isu moral dan isu agama. Gejala ini merebak dan menular melalui amalan seks rambang dan juga amalan seks luar tabii dan juga melalui suntikan dadah di kalangan penagih dadah yang begitu ramai di negara ini.

Di samping itu juga, angka pengidap kanser juga banyak. Saya minta maaf kerana tidak sempat mencari angka-angkanya. Tetapi pastinya angka ini begitu banyak. Bagi kanser pangkal rahim sahaja

yang dapat dikesan di antara tahun 1985 sampai 1994 mencapai angka sebanyak 22,280 kes. Ini tidak termasuk penyakit lain, iaitu penyakit 'PHD' yang juga semakin menjadi-jadi dalam negara ini. 'PHD' di sini bukan maksud penyakit hasad dan dengki. 'P' bererti pressure; tekanan darah tinggi, dengan izin. Manakala 'H' bererti heart, iaitu sakit jantung, dan 'D' bererti diabetes, dengan izin, iaitu sakit kencing manis. Penyakit ini semakin menjadi-jadi dalam negara kita dan perlu diambil tindakan segera bagaimana caranya untuk kita mencegahnya nanti supaya rakyat kita sentiasa berada dalam kualiti yang baik dari segi kesihatan.

Justeru itu, kempen kesedaran Kementerian Kesihatan perlu diintensifkan dan dipertingkatkan, di samping penyelidikan perubatan dan kesihatan, perlu juga dipergiatkan tanpa kita terlalu bergantung kepada kebolehan dan maklumat orang asing. Hari ini R&D juga dapat menunjukkan secara positif bahawa kencing manusia boleh mengubati penyakit, seperti kanser. Ini saya dapati daripada laporan akhbar.

Kerja menyedarkan masyarakat ini untuk meningkatkan kualiti kesihatan boleh dimainkan bersama oleh kerajaan, rakyat dan juga NGO. NGO boleh memainkan peranan positif dalam konteks ini. Hari ini kita dapati NGO banyak memainkan peranan yang negatif, termasuklah NGO hari ini memainkan peranan untuk menentang Projek Hidro Elektrik Bakun yang kita dapati bahawa tindakan ini ataupun aktiviti ini ialah aktiviti yang tidak memberi nilai dan kualiti positif kepada Malaysia. Kita harap dapat menentang peranan yang ditunjukkan oleh NGO ini yang bercorak negatif.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kesihatan, keselamatan juga adalah satu perkara penting. Pendatang asing tanpa

izin (PATI) masuk ke negara ini tanpa kawalan yang kukuh. Pada tahun 1994 didapati lebih kurang ataupun lebih daripada 1,500 PATI masuk ke negara ini melalui Perlis, iaitu negeri saya, negeri yang paling kecil dalam Malaysia. Tahun 1994 sahaja melebihi 1,500 orang. Dan angka ini meningkat pada tahun 1995, menjadi lebih daripada 2,700 orang. Justeru itulah, tembok sempadan Malaysia/Thailand di Perlis, di Bukit Putih di Kuala Perlis dalam kawasan Parlimen Kangar perlu dilaksanakan pembinaannya secepat mungkin dan dengan kadar yang segera.

Jawatankuasa Bersama Sempadan mestilah berfungsi, iaitu Jawatankuasa Bersama Antara Malaysia dan Thailand mestilah berfungsi dengan berkesan sepanjang waktu. Tanpa fungsi sepanjang waktu, bererti ada pihak-pihak tertentu yang cuba mengubah batu sempadan ini masuk ke Malaysia. Ini yang saya percaya yang merupakan punca yang menyebabkan tembok ini tidak dapat diselesaikan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan kualiti lagi, bahawa pembangunan manusia adalah satu perkara yang amat penting bagi mencapai taraf hidup yang berkualiti di negara ini. Jepun maju kerana rakyatnya mahu dan bersedia membangun. Jepun tidak mempunyai sumber bumi. Semasa kita bersekolah dahulu, kita belajar teori ekonomi. Kalau membuat sesuatu usaha mesti ada modal termasuk tanah. Tetapi Jepun mempunyai tanah yang terhad dan tidak mempunyai sumber. Bagi Jepun, teori ekonominya sumber itu adalah sumber manusia itu sendiri.

Sebab itulah Jepun menekankan kepada elemen pembangunan manusia. Malah modal pokok baginya adalah rakyatnya yang mengeksploitasi tiga perkara yang ada pada mereka, iaitu ilmu ataupun, dengan izin, the head, dia menggunakan kepala, menggunakan otak. Kemudian keazaman, the will, dan dengan izin, yang ketiganya the four limbs, tulang empat kerat. Dengan lain perkataan, pendekatan

yang dibawa oleh Jepun patut kita contohi, kerana modal kita adalah pembangunan manusia itu sendiri, iaitu menggunakan ilmu, menggunakan keazaman dan tulang empat kerat, iaitu usaha ataupun kerja bersungguh-sungguh. Ini kalau kita mahu maju.

Maknanya, intipati untuk maju selaras dengan matlamat Wawasan 2020, usaha dan pengurusan, negara Jepun patut kita tiru, bukan semuanya, tetapi intipatinya sahaja. Kerana amalan inilah yang pada hari ini Jepun mampu mengeluarkan produk-produk yang berkualiti. Tak hairanlah hari ini kita dapati produk Jepun telah menembusi seluruh pasaran dunia, kerana kita dapati bahawa standard atau kepaiwaiannya adalah mencapai piawaian antarabangsa. Jadi, kita harap usaha-usaha di Malaysia juga akan mencapai tahap-tahap yang begitu. Saya bersyukur kerana di Malaysia juga ada tanda-tanda bahawa industri-industri kita juga mempunyai usaha ke arah mempertingkatkan tahap kualiti ini.

Saya terjumpa dalam akhbar dalam *Utusan Malaysia* keluaran semalam 27hb Mac, bahawa sebuah syarikat perusahaan makanan berpusat di Johor Bahru, iaitu Hup Seng Perusahaan Makanan Bhd. telah berjaya memasuki pasaran biskutnya di pasaran antarabangsa, iaitu termasuk China, Hongkong, Taiwan, Indonesia, Australia, Russia, Perancis, Amerika Syarikat, Kanada serta negara-negara Timur Tengah. Dan kita dapati industri ini telah pun dianugerahkan Malaysia standard MS ISO 9002. Bererti produknya berkualiti dan kita dapati penghantarannya menepati masa.

Begitu juga pada akhbar yang sama juga semalam, iaitu sebuah syarikat Pengkalan Konkrit Sdn. Bhd. Juga mendapat anugerah yang sama. MS ISO 9002. Tak hairanlah kalau syarikat ini merupakan pembekal konkrit kepada syarikat-syarikat besar, termasuk kepada syarikat projek besar, seperti Projek Lebuh raya Utara-Selatan. Petronas

Refinery di Melaka, Bursa Saham Kuala Lumpur dan termasuk juga Phoenix Plaza dan Regent Hotel di Kuala Lumpur, stesen LRT dan bandar Waterfront, Johor, kerana produknya berkualiti. Jadi, kita harap supaya usaha-usaha di negara kita juga akan mencapai tahap ini supaya kita dapat menembusi bukan sahaja pasaran dalam negara, tetapi pasaran luar negara pada peringkat antarabangsa. Tanpa tahap-tahap ini, kita hanya mampu memasarkan produk barangan kita dalam negara kita sahaja. Itu pun belum pasti akan laris ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti adalah satu strategi persaingan penting bagi sesebuah negara mahupun industri. Dalam sesebuah industri, keuntungan adalah hasil dari usaha berterusan dan berjangka panjang bagi memenuhi kehendak dan pengharapan pengguna. Inilah yang dikatakan kualiti. Bagi agensi kerajaan pula, piagamnya ialah memenuhi kehendak pelanggan secara efisien. Justeru itulah kualiti adalah senjata penting dalam meletakkan keyakinan rakyat kepada pemerintah, keyakinan rakyat kepada kerajaan terutama sekali kepada kerajaan yang kita sama-sama sanjung hari ini ialah Kerajaan Barisan Nasional yang kita percaya berusaha meningkatkan kualiti dalam apa bidang sekalipun untuk terus meyakinkan rakyat dan seluruh dunia mahupun pada peringkat Asia Tenggara, mahupun pada peringkat antarabangsa yang lainnya.

Jadi, kemampuan negara, inilah dengan adanya kualiti pada peringkat antarabangsa, kita percaya kita mampu memenuhi pasaran dunia dan juga kita juga percaya kita mampu meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi kita. Kemampuan negara untuk bersaing di dalam pasaran yang global bergantung rapat dengan kualiti ini terutama sekali kualiti kehidupan rakyatnya. Dan bila disebut kualiti kehidupan rakyatnya, termasuklah kualiti tenaga buruh kita. Apa yang kita dapati hari ini kualiti tenaga

buruh kita amat rendah kerana kita bergantung kepada kualiti tenaga buruh asing yang tidak mahir. Jadi, tidak hairanlah kalau produk kita juga tidak mempunyai kualiti yang tinggi.

Justeru itulah, saya percaya sebagaimana yang disebut oleh pemimpin kita, bahawa Kementerian Sumber Manusia akan memainkan peranan penting terutama sekali dalam mempertingkatkan human resource ataupun kualiti sumber manusia di negara ini dengan tujuan untuk kita menghasilkan produk yang berkualiti.

Ini kerana kemampuan bersaing boleh diterjemahkan sebagai keupayaan untuk mengendalikan kerja yang lebih baik bagi menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti, ini adalah satu perkara yang kritikal di mana rakyat dan negara mesti berazam bersama-sama, mempunyai strategi untuk kualiti dalam jangka panjang, justeru itulah pertumbuhan ekonomi mempunyai pertalian rapat dengan produktiviti dan juga efficiency.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 membawa negara ini dan rakyat negara ini menjadi maju sambil masyarakat kita menjadi masyarakat industri, sambil itu juga pengguna di negara ini berharap kepada kualiti yang lebih tinggi dari masa ke semasa. Justeru itulah kesedaran kepenggunaan dan kualiti alam sekitar menjadi perkara awam hari ini.

Kecenderungan awam yang dapat dikesan dalam konteks ini ialah kesedaran masyarakat mengenai kemesraan alam sekeliling, sebab itulah dalam projek-projek kita dan projek-projek pembangunan, kita menyeru supaya pihak alam sekitar sentiasa memberi pandangan dan nasihat supaya alam kita tidak sentiasa tercemar. Tanah runtuh dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Di samping itu juga, pengguna berharap supaya pandangan mereka juga dapat didengar oleh pihak-pihak tertentu, dalam

kita membangun dan maju, kita dapati firma-firma business menjadi gergasi yang besar, kadang-kadang didapati mempunyai pengaruh yang besar, yang ini kadangkala menyebabkan pengguna menjadi takut. Sebab itulah hari ini, kita dapati pengguna cuba bersatu untuk memberi pandangan kerana untuk menghilangkan kesangsian dan keraguan tentang barang-barangan yang dipasarkan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini juga saya sentuh sedikit tentang alam sekitar tadi, di mana kita perlu menjaga dan mempertingkatkan kualitinya bertambah-tambah lagi dalam konteks negara kita yang membangun dalam sektor perkilangan. Sebenarnya, kalau sama-sama mengambil tanggungjawab, pihak-pihak pengusaha kita dapati, menggunakan pendekatan kualiti dari peringkat, dengan izin, design stage lagi, bahawa alam kita akan terjaga. Kalau digunakan bahan-bahan yang tidak berkualiti pada peringkat inputnya, kita dapati bahawa outputnya, dengan izin, akan menghasilkan keluaran sampingan yang boleh mencemarkan alam sekitar kita.

Kualiti alam sekitar ini merupakan satu perkara yang penting, sungguhpun kualiti ini tidak merupakan satu elemen penting dalam KNK kita, namun begitu apa yang penting ialah kalau tidak dijaga bahawa kita akan kerugian dari segi, dengan izin, social capital dan juga social resources nanti, kalau kita tidak jaga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengejar kemajuan ini dan kemajuan berindustri ini, kita juga perlu selektif dalam memilih teknologi. Ada teknologi yang usianya hanya dua tahun dan ada teknologi yang usianya satu tahun dan ada teknologi yang usianya mungkin enam bulan sahaja dan sebab itulah dalam kita membawa pelabur-pelabur asing ini, kita mesti teliti

tentang teknologi yang akan dibawa kerana kalau usianya pendek, bererti kita tidak mempunyai kesempatan untuk mengambil faedah daripada transfer of technology, dengan izin, ke negara ini. Kalau kita dapati bahawa di negara Amerika ada teknologi yang bercorak begini dan masyarakat berkenaan juga tidak dapat menimba ataupun mengambil faedah daripada teknologi yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi. Baru-baru ini kita terbaca dalam akhbar tentang kekejaman pihak tertentu untuk membunuh anak ayam yang begitu banyak kerana pengeluarannya terlalu banyak dan kos untuk membeli makanan yang tinggi. Jadi, sukacitalah untuk mengelak kejadian begini, supaya pihak kerajaan mengkaji supaya menubuhkan satu lembaga, misalnya lembaga ternakan ayam, seperti Lembaga Tembakau Negara di mana pihak lembaga ini akan mengkaji keperluan permintaan semasa supaya anak-anak ayam ini tidak menjadi mangsa kezaliman manusia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, sekian ucapan sokongan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kubang Kerian.

4.48 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Usul Terima Kasih yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan maka saya ingin memberi pandangan-pandangan pada petang yang mulia ini.

Negara kita telah mencapai kemerdekaan hampir 39 tahun, telah wujud keamanan yang agak baik, suasana harmoni terpelihara, walaupun kadangkalanya berlaku sedikit insiden di sana dan di sini seperti peristiwa 13 Mei, Peristiwa Memali dan lain-lain lagi. Di antara punca yang menyebabkan keamanan negara itu ialah sistem kehakiman di Malaysia yang diiktiraf oleh dunia sebagai satu sistem yang adil mengikut Perlembagaan yang ada sekarang ini.

Para hakim amat dihormati, bahkan rakyat bila melihat hakim dengan penuh hormat dan penuh gerun dan takut kepada mereka kerana mereka ini orang yang dimuliakan di sudut kedudukan dan juga taraf dan kepada mereka ada segala-galanya untuk menentukan bila kes-kes dibicarakan.

Sejarah membuktikan bahawa tak kira orang besar atau orang kecil, kalau mereka ada bukti melakukan kesalahan, mereka terpaksa dipenjara ataupun dikenakan hukuman-hukuman yang lain, bekas Menteri Besar Terengganu, bekas Menteri Besar Perak, bekas Menteri Besar Selangor yang juga bekas Ketua Pemuda UMNO, bekas Menteri Pelajaran daripada Pahang, bekas Menteri Belia dan Sukan.

Kita lihat mereka ini dari kedudukan yang tinggi, tetapi bila pihak peguam menghujahkan tuduhan-tuduhan terhadap mereka dan dibuktikan maka mereka, pembesar-pembesar negara ini terpaksa menerima hukuman daripada mahkamah. Rakyat biasa memanglah selalu sahaja memenuhi penjara-penjara, tetapi orang-orang besar juga tidak terkecuali bila ada bukti kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Kedaulatan undang-undang dipertahankan begitu hebat terutama sekali bila bekas Menteri Besar Selangor dihadapkan tuduhan rasuah. Pada waktu itu, Pemuda UMNO melilit kepala mereka

untuk mempertahankan Ketua Pemuda mereka, Perdana Menteri di waktu itu Tun Hussein Onn mengatakan bahawa, kedaulatan undang-undang dipertahankan, apa jadi pun, kedaulatan undang-undang mesti dipertahankan, kalau tidak cukup anggota polis, anggota tentera akan digunakan untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang.

Bekas Ketua Pemuda yang disayangi oleh Pemuda UMNO dan juga disayangi oleh rakyat yang lain terpaksa merengkok dalam penjara di atas kedaulatan undang-undang sebab ia telah dibuktikan di mahkamah bahawa beliau didapati bersalah. Mutakhir ini kepincangan undang-undang kita boleh lihat dengan begitu jelas. Rakyat mula merasa bimbang terhadap kepincangan-kepincangan yang kita boleh dengar desas-desusnya, sembang-sembangnya, bukan daripada orang awam lagi, tetapi sudah sampai ke peringkat peguam dan sudah sampai ke peringkat para hakim.

Kira-kira dua tahun yang lepas saya bercakap di Dewan ini mengatakan bahawa kalau tidak dikawal, Malaysia satu hari boleh menjadi seperti Columbia, di mana orang-orang kaya, tauke-tauke dadah boleh membeli para hakim untuk memihak kepada mereka. Andaian 2 tahun dahulu itu sekarang ini hampir-hampir menjadi kenyataan. Malaysia, kalau tidak diperbaiki keadaan, akan menuju seperti negara Columbia di mana orang-orang kaya, tauke-tauke dadah boleh menguasai hakim-hakim tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, surat layang yang dikatakan tersebar, setelah difahamkan kepada kita ianya amat mencemaskan kita. Amat mencemaskan, pihak yang memahamkan kepada saya, kalau 50% sahaja isi kandungannya benar dalam surat layang itu, maka sudah cukuplah membimbangkan kita, terutama sekali nama-nama hakim yang disebut dalam surat layang itu. Kita melihat mereka bila pergi ke mahkamah dengan penuh

kegerunan, tambahan pula dalam surat itu difahamkan kepada kita bahawa para peguam sekarang pergi ke mahkamah bukan membawa hujah, bukan membawa nota, tetapi membawa wang untuk membeli para hakim. Ini juga memberi imej buruk kepada Yang Berhormat dari Jelutong. Kes-kesnya banyak yang dia menang, barangkali kita agak dia pun juga bawa wang pergi ke mahkamah sekarang, bukan membawa hujah. Kalaulah kita percaya kepada surat layang yang difahamkan kepada kita, imej peguam rosak, imej hakim rosak, imej negara terus rosak. Paling membimbangkan kita, keadaan-keadaan itu sedang diperhatikan di seluruh dunia sekarang ini.

Kemudian pula di dalam mahkamah diberitakan pula bagaimana bekas Ketua Hakim, salah satu yang disebut melanggan artis yang melacurkan diri. Orang-orang ini duduk di tempat-tempat yang tinggi, membuat kerja-kerja yang seperti ini, kemudian di fahamkan juga dalam surat tersebut ada tauke-tauke dadah menemui hakim-hakim tertentu dan juga tokoh-tokoh korporat menemui hakim-hakim tertentu semasa kesnya sedang berjalan, dan ianya juga diakui dalam mahkamah ini oleh Menteri Undang-undang sendiri, berlaku di mana litigan bertemu dengan hakim ketika kesnya sedang berjalan di mahkamah.

Semuanya ini membimbangkan kita dalam keadaan negara menuju Wawasan 2020, kita harapkan negara aman tenteram untuk mencapai cita-cita Perdana Menteri, tiba-tiba sistem kehakiman kita menuju Columbia, menuju kehancuran.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu diperbaiki segera, terutama sekali nama-nama hakim yang disebut itu supaya dibersihkan kalau mereka tidak bersalah, kalau tidak, kita sebagai rakyat, bila pergi berdiri depan mereka di mahkamah, kita akan gerun, kita akan tunggu apa hukuman yang akan dikenakan, kerana pihak lawan

kita mampu membayar lebih kepada hakim tersebut, hakim-hakim yang disebut dalam surat layang seperti yang difahamkan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga mutakhir ini, orang-orang besar selalunya bila menghadapi tuduhan semuanya terlepas ataupun tidak seperti di zaman tiga Perdana Menteri dahulu, orang-orang besar bersalah dalam mahkamah ataupun dipersalahkan ataupun terpaksa menghadapi tuduhan dan didapati bersalah. Mutakhir ini kita lihat mereka yang membongkar kemungkaran orang itulah yang akhirnya didapati salah. Dahulu terdedah kisah bagaimana kes yang berlaku di Selama. Kaniparan membongkarkan bagaimana ada skandal video lucah yang dilakukan oleh orang-orang tertentu, akhirnya Kaniparan sekarang ini berada dalam penjara. Begitu juga Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengemukakan bagaimana telah berlaku 'share scan' ataupun skandal saham yang berlaku pada hakim dan hakim bertemu dengan litigan dan kita lihat akhirnya Wakil Rakyat Bukit Bintang itu digugurkan kedudukannya. Nasib malang itu akan berterusan menimpa Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak lama lagi. Dia yang menjadi juara membongkarkan skandal itu dan skandal ini dan dibicarakan, barangkali "Selamat Tinggal" wahai Kota Melaka tidak lama lagi. Ini trend politik negara kita dalam keadaan sekarang.

Jadi, sebab itulah istilah yang kita gunakan sekarang kalau tidak diperbaiki undang-undang di Malaysia, kalau pencuri masuk ke rumah kita, maka kalau kita pergi report kepada polis sekarang, polis akan menangkap tuan rumah, bukan menangkap pencuri, kerana pihak polis mengatakan mengapa kamu tidak jaga rumah kamu dengan betul menyebabkan pencuri boleh masuk. Pencuri tidak disalahkan, tuan rumah yang disalahkan. Inilah trend undang-undang negara kita sekarang, kalau ianya tidak diperbaiki.

Begitulah juga kalau kita lihat, sebelum ini Persidangan Hakim dirasmikan oleh Ketua Hakim Negara ataupun Raja tetapi sekarang ini persidangan hakim dirasmikan oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri seorang Eksekutif, seorang ahli politik seperti kita, maka apakah persidangan-persidangan ini akhirnya akan meluahkan satu pengaruh Perdana Menteri yang bersifat Ketua Eksekutif kepada para Hakim. Perkara ini juga perlu diperbaiki untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada sistem perundangan negara kita. Kalau tidak, kita menjadi seperti di negeri lain di mana orang yang kena tuduh atau orang miskin yang tidak mampu membayar kepada hakim akhirnya terpaksa bertindak di luar undang-undang dengan mengambil gangster dan sebagainya untuk bertindak. Jadilah seperti di negeri-negeri Amerika Selatan dan kita harap ia tidak sampai ke peringkat itu, tetapi surat layang yang difahamkan kepada kita memang sudah sampai ke peringkat itu sekarang sistem perundangan negara kita. Saya harap kita pandanglah perkara ini dengan serius bukan yang bercakap itu PAS, DAP, Semangat 46 atau UMNO tetapi siapa sahaja. Kita kenapandang bahawa perkara ini perkara serius, kalau kita mahu Wawasan 2020 berjaya.

Kita juga difahamkan bahawa dalam surat layang itu menerangkan bagaimana kes Ayer Molek dikendalikan. Beberapa bayaran tertentu dibayar kepada hakim. Begitulah juga ada beberapa kes yang disebut secara agak terperinci. Perkara ini amat serius untuk direnungi oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh hal MARA. Saya difahamkan bahawa peruntukan kepada MARA dikurangkan hampir kepada RM400 juta. Apa alasan peruntukan dikurangkan kepada MARA? Kita tidak faham. Kononnya dalam MARA ada penyelewengan, ada pembaziran. Kalau ada penyelewengan, ada pembaziran, sila

tubuh Suruhanjaya Diraja, siasat penyelewengan tersebut, dakwa siapa yang terlibat termasuk bekas pemangku Ketua Pemudakah, kalau dia terlibat menyeleweng - dakwa, ataupun Pengerusi yang terdahulu iaitu anak kepada Timbalan Perdana Menteri atau kepada siapa. Ini hanya buat tuduhan-tuduhan begitu, ada penyelewengan, maka orang syak, orang itu menyeleweng, orang ini menyeleweng, orang ini membazir, orang itu membazir, tanpa ada siasatan yang terperinci. Yang menjadi mangsanya ialah bumiputera. Bila dikurangkan peruntukan hampir RM400 juta tergendalalah pelajar-pelajar kita yang hendak ke luar negara, tergendalalah biasiswa mereka yang berada di luar negara sama ada di Jordan, di Aceh, di Amerika, di Canada, di England dan sebagainya - biasiswa mereka terpaksa di reschedule semula ataupun disusun semula.

Begitulah juga pihak MARA terpaksa merangka program-program yang lain kerana kekurangan peruntukan kepada mereka terlalu drastik. Kalau ada penyelewengan, sila tubuh jawatankuasa dan dakwa mereka yang menyeleweng. Bukan bila ada penyelewengan, kurangkan peruntukan kepada MARA. Pelik bin ajaib. Bila ada penyelewengan dalam PERWAJA, kerajaan tambah peruntukan kepada PERWAJA. Ada penyelewengan dalam Bank Bumiputera, kerajaan tambah peruntukan RM1,000 juta lagi. Wang PETRONAS digunakan untuk meneruskan operasi Bank Bumiputera. Tetapi di MARA, katanya ada penyelewengan dikurangkan peruntukan. Pelik bin ajaib, tetapi itulah corak pemerintah Barisan Nasional, dasarnya kita tidak faham.

Sedangkan MARA ini tempat tumpuan bumiputera, khasnya orang-orang Melayu, di sinilah mereka mendapat sedikit habuan, sama ada hendak melanjutkan pelajaran, atau hendak membuka perniagaan dan juga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang sesuai dengan kegiatan ekonomi

yang mereka mampu ceburi. Bila di sini dikurangkan, maka sudah tentulah akibat buruknya yang akan menimpa ialah bumiputera yang terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya harap bahawa kalau ada penyelewengan, sila tubuhkan jawatankuasa, siasat dan dakwa mereka, bukan dengan mengurangkan peruntukan. Kalau berlaku kemelesetan ekonomi, kurangkan peruntukan kepada perkara-perkara yang lain. Misalnya, menghantar pasukan penari ke luar negeri, itu tak penting. Kurangkan yang itu dahulu. Rakan Muda, dok masuk hutan, nyanyi, "wik-wak, wik-wak". Yang itu kurangkan dahulu. Peruntukan-peruntukan perayaan-perayaan di Dataran Merdeka, kurangkan yang itu dahulu! Tetapi mengapa dikurangkan dahulu kepada MARA? Mengapa kepada perkara yang paling penting, itu yang dikurangkan dahulu? Kononnya berlaku kemelesetan ekonomi dan MARA menjadi mangsa yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh masalah dadah. Masalah dadah di negara kita sekarang sudah menjadi masalah yang cukup besar. Pengerusi PEMADAM sendiri mengakui bahawa kerajaan gagal mengatasi masalah dadah. RM120 juta lebih satu tahun untuk PEMADAM tidak cukup. Setiap kali Belanjawan negara dikemukakan, Pusat Serenti baru dibuka. Sekarang ini, hampir setiap kampung ada wakil Pusat Serenti.

Inilah Malaysia Tanahairku. 39 tahun merdeka, setiap kampung, setiap mukim sekarang ada wakil ke Pusat Serenti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat kita tentang pembasmian dadah ini. Boleh tak dalam ceramah-ceramah

Yang Berhormat yang dibuat tiap-tiap malam, Yang Berhormat selitkan supaya menyedarkan rakyat agar jangan mendekati dadah dan kurangkan yang dok pukul kawan-kawan! Yang Berhormat setuju tak itu?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Setuju. Dengarlah ceramah saya, dadah sekarang menjadi tajuk utama. "Kegagalan Barisan Nasional Mengawal Dadah". (Ketawa) Kalau hendak beri masalah dadah ini selesai, beri kami memerintah, boleh selesai. Itu saya beritahu kepada rakyat sekarang! (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun lagi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa sedikit sahaja, tolonglah. Memang saya bercakap hal dadah, sungguh! (Disampuk)

Tuan Yang di-Pertua, bila Pengerusi PEMADAM mengaku gagal, ertinya berat masalah ini. 80% yang keluar daripada Pusat Serenti balik semula ke pangkal jalan. Ertinya balik semula hisap dadah. Ini kegagalan A+. A plus failure. Satu kegagalan yang cukup dahsyat. 80% balik hisap dadah semula. Orang-orang Melayu pula kadang-kadang setengahnya, kebanyakannya rajin, belajar dia malas. Hendak jadi doktor, dia tidak mahu, tetapi akhirnya dia jadi doktor sendiri iaitu dia cukup pakai jarum doktor, dia cukup sendiri di rumahnya. Banyak lahir doktor sendiri sekarang ini, terutama di Seberang Perai, di kawasan Parlimen Timbalan Perdana Menteri iaitu di kawasan kampung saya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah masalah yang cukup serius sekarang ini. Kenapa kita tidak dapat kurangkan

masalah ini sedangkan negeri jiran kita, Singapura dapat mengurangkan? Kita kata, "Oh, Singapura penduduknya sedikit, hanya 3 juta orang, mereka boleh kawal rakyatnya dari segi dadah". Bagaimana pula negeri China? Penduduknya 1,200 juta orang. Penagih dadah di sekitar 100,000 orang sahaja. 100,000 daripada 1,200 juta, sedangkan kita, anggapan rasmi 200,000, yang tidak rasmi di dalam lingkungan 800,000 dari segi penduduk seramai 18 juta. Ertinya penagih dadah di Malaysia sekarang sudah sampai ke peringkat darurat negeri ini dalam soal dadah ini.

Dan apabila mereka telah berputus asa, hal mereka tidak dapat dipulihkan, maka mereka mulalah mengamuk, mereka mula mengamuk, ada yang bakar kem, ada yang berkawat 5 kilometer untuk dibuat report polis, ada yang bertumbuk dan menangkap pegawai-pegawai dan mereka belasah pegawai-pegawai dadah dan bermacam-macam perkara berlaku.

Punca segala-galanya kita lihat, di antaranya ialah hendak selesaikan masalah yang paling besar, kerajaan mesti selesaikan dahulu masalah rasuah. Ini tonggak puncanya. Kalau masalah rasuah berleluasa, orang kecil pengedar satu gram atau dua gram boleh kena, tetapi orang-orang besar, pengedar-pengedar besar disebut dalam surat layang seperti difahamkan, boleh bertemu dengan para hakim, ertinya sindiket dadah di Malaysia ini sudah sampai ke peringkat yang cukup hebat. Mereka sampai ke peringkat boleh menguasai hakim dan tidak pelik boleh menguasai pemimpin-pemimpin politik negara. Ini yang membimbangkan kita.

Sebab itu hendak menghapuskan masalah dadah, masalah-masalah lain puncanya iaitu rasuah mesti dipertegaskan. Jabatan Peguam Negara mesti diperkemaskan. Jabatan Pencegah Rasuah mesti diperkemaskan sungguh-sungguh supaya mereka dapat bertindak. Tetapi, kadangkalanya kita mendengar masalah rasuah di Malaysia ini, masalah yang

boleh dicakapkan di mana-mana, perbualan - sama ada kita berjumpa kawan-kawan atau sesama Wakil Rakyat, Pembangkang ataupun daripada kerajaan, bila kita bercakap tajuk itu, seolah-olah rasuah telah menjadi perkara biasa.

Misalnya, selalu rakyat bercakap, sebuah lori ikan yang hendak membawa ikan daripada Bukit Kayu Hitam ke Kuala Lumpur, sudah disediakan wang tertentu. Misalnya RM300 atau RM400 untuk cukai jalan kononnya, untuk bayar sekatan-sekatan jalan. Ertinya, kalau satu lori sudah disediakan wang untuk dibayar di pertengahan jalan, di tengah-tengah tong lori itu satu tong dadah pun boleh dibawa ke Kuala Lumpur setiap hari atau setiap malam.

Masalahnya, kalau rasuah tidak dibanteraskan, buatlah dasar apa pun, letaklah seksyen 39B, hukum gantung sampai mati, mereka yang membawa satu gram dadah, mereka dihukum mati, tetapi ia tidak dapat diselesaikan kerana jerung-jerung besar boleh masuk begitu mudah kerana mereka dapat lepas daripada sekatan undang-undang yang ada di Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah masalah dadah ini masalah yang mesti diselesaikan secara menyeluruh. Kempen secara menyeluruh dan kita juga jangan memberi tempat kepada mereka yang terlibat dengan dadah, sudah keluar, kita beri tempat kepada mereka, menyanjung mereka, akhirnya hisap dadah lagi dan kita lihat selepas itu, mereka ini seolah-olah menjadi suri tauladan kepada orang lain.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun ya. Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan dadah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat menyalahkan kerajaan sematamata. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini adalah salah satu tanggungjawab keluarga terhadap anak-anak mereka? Ini adalah ajaran Islam, kita mendidik anak-anak itu menjadi anak yang soleh.

Yang keduanya, Yang Berhormat mengatakan tadi, apabila mereka ini pulih daripada dadah, kita beri mereka kerja. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya apabila penagih-penagih yang telah insaf ini balik ke pangkal jalan, mereka ini dibiarkan? Jadi, mereka akan putus asa dan kembali balik ke dalam kumpulan dadah ini. Jadi, apa yang kerajaan buat ini adalah memberi jawatan kepada mereka supaya depa dapat hidup semula sebagai manusia yang telah dipulihkan. Macam mana, Yang Berhormat setuju itu?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Setuju, setuju! Ya, saya katakan tadi bahawa kerajaan adalah tanggungjawab utama. Tetapi, kita memang semua kena bertanggungjawab. Maki hamun penagih dadah bukan boleh menyelesaikan masalah. Mesti dicari jalan secara yang menyeluruh. Tackle secara menyeluruh untuk menyelesaikan masalah dadah itu dan mereka yang telah pulih memanglah mereka yang keluar daripada penjara pun, yang telah didapati salah keluar dari penjara pun mereka balik ke pangkuan masyarakat, masyarakat terima. Begitulah juga mereka yang terlibat dengan dadah yang telah pulih, memang kerajaan ataupun agensi-agensi lain kena beri tempat kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke luar negeri.

Sidang Keamanan Antarabangsa di Mesir, kita lihat bila berlaku sahaja orang Yahudi yang terbunuh, yang dituduh golongan Hamas yang mengebom orang awam Yahudi, Amerika dan Israel cepat-cepat mendesak negara Arab supaya membuat sidang keamanan terus menamakan tiga kumpulan ini perlu dunia bertindak terhadap mereka, iaitu kumpulan Hamas, Hizbullah dan Iran sebagai negeri pembekal.

Tetapi bila orang Palestin atau umat Islam dibunuh beramai-ramai dalam Masjid Hebron, orang Islam dan orang Palestin dibunuh di Sabra dan Syatila, bila Abdul Karim Obit ditangkap dan di"kidnap" di penjara sehingga hari ini, ditangkap di rumahnya, bila Abbas Musawi dibom ketika berada dalam kereta, pulang dari mesyuarat ke rumahnya, semuanya itu dunia Barat, Amerika khususnya mendiamkan diri. Tetapi bila giliran orang awam Israel yang kena, mereka tergesa-gesa mengadakan persidangan antarabangsa, terus menghadihkan US\$100 juta kepada Israel untuk menghadapi kononnya keganasan yang dilakukan oleh Hamas dan Hizbollah. Yang pelik kepada kita ialah negeri-negeri Arab. Negeri-negeri Arab ini boleh turut serta dalam persidangan itu dan terima usul untuk mengutuk. Mengutuk keganasan kita setuju sebab kita tidak setuju kepada keganasan tetapi Shimon Peres, Perdana Menteri Israel dan juga Yasser Arafat menamakan negeri yang dianggap mengajar keganasan iaitu ialah Republik Islam Iran tanpa ada bukti-bukti tidak penting bagi mereka tetapi oleh kerana negara Iran, negara Sudan tidak disukai oleh Amerika, maka negara Arab juga didesak supaya tidak suka kepada dua negara ini dan Amerika dan Israel mengajak seluruh dunia Arab bersatu untuk menyingkirkan Iran dan

menyingkirkan Sudan daripada dunia mereka. Inilah gejala antarabangsa sekarang. Kita lihat bagaimana pengaruh Yahudi begitu kuat kepada Washington sehinggalah tersentuh sahaja mereka, adalah persidangan di peringkat antarabangsa. Tetapi bila umat Islam dibunuh secara zalim, beramai-ramai tidak ada persidangan khas untuk menyatakan masalah itu atau untuk mengutuk negara yang melakukan serangan terhadap umat Islam sama ada di Palestin atau di Libya ataupun di Iraq.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cukup. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

5.33 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian dalam satu usul untuk mengucapkan terima kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan.

Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya mesti menyatakan perasaan saya bahawa sungguhpun Dewan yang mulia kita ini, bilangan Ahli-ahli Parlimen telah bertambah tetapi masa yang diberikan untuk perbahasan dikurangkan. Di sini saya ingin mencadangkan kalau boleh, supaya semua Ahli Parlimen dapat membincangkan undang-undang ataupun membawa masalah rakyat dalam keadaan yang bernas dan lengkap dan masa yang diberikan ditambah. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kita memulakan mesyuarat kita pada waktu pagi sampai ke pukul 6.30 petang. Saya

tidak nampak mengapa kita tidak boleh bermesyuarat pada waktu pagi sedangkan kita adalah Ahli Parlimen yang dipilih rakyat untuk bertugas kepada negara. Saya rasa kita tidak mahu memberikan pandangan ataupun gambaran kepada rakyat seolah-olah kita kerja setengah hari sahaja dan saya rasa ini tidak memberikan galakan atau satu teladan yang baik kepada kakitangan kerajaan. Kalau mereka boleh kerja dari waktu pagi hingga petang, mengapa Ahli Parlimen tidak boleh bekerja bersama-sama dengan tekun. Oleh sebab itu, saya harap masa yang diberikan boleh ditambahkan supaya Ahli-ahli Parlimen mempunyai masa yang cukup untuk membincangkan masalah rakyat. Kita bukanlah Ahli Parlimen seperti mi segera, untuk membincangkan perkara dengan ekspres. Kalau begitu, saya rasa ini mengecilkan dan menghina martabat dan tujuan sebenar Parlimen atau martabat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Baginda, Baginda ada menyeru supaya bukan sahaja pemimpin-pemimpin masyarakat tetapi juga rakyat Malaysia mengamalkan nilai-nilai moral yang tinggi agar kita dapat membendung dan mengatasi masalah sosial yang kita hadapi sekarang. Gejala bohsia, gejala maksiat ini saya rasa bukan sahaja masalah kerajaan tetapi masalah seluruh negara. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak macam mana kerajaan boleh meyakinkan rakyat bahawa mereka betul-betul serius tentang usaha membanteras ataupun mengatasi masalah ini kalau mereka sendiri tidak mengamalkan nilai-nilai yang sihat dan bersih.

Seperti yang diucapkan tadi oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian tentang karenah yang sedang berlaku di badan kehakiman, saya ingin menyatakan bahawa kehakiman di negara kita menghadapi satu krisis yang sangat besar dan sungguhpun saya kerap tidak bersetuju dengan apa yang dilaungkan oleh Yang

Berhormat dari Parit Sulong tetapi saya ingin menyatakan bahawa saya setuju dengan pandangan beliau semalam dan di sini saya hendak memetik ucapannya:

“Bahawa sejak perantikannya, saya melihat Peguam Negara yang ada pada hari ini, dia melebihi ahli politik daripada Peguam Negara. Dia cakap banyak tidak tepat pada masanya dan selalunya kata-kata yang mungkin dikeluarkan ataupun being prompted by the press oleh kerana dorongan daripada soalan daripada akhbar, oleh kerana mungkin tidak mempunyai peluang untuk merujuk kepada background papers. Dia menimbulkan kontroversi.”

Saya ingin mengatakan bahawa saya bersetuju dengan pandangan ini dan kalau seorang Pengerusi Backbenchers Club Barisan Nasional boleh mengatakan bahawa Peguam Negara yang kita ada adalah semacam itu, iaitu secara ringkas not profesional, political, tidak tahu peranannya. Adakah dia layak menjadi Peguam Negara? Kalau seorang pemimpin daripada pihak Barisan Nasional boleh memberi pandangan yang serupa ini seperti rakyat, saya rasa sudah tiba masanya Peguam Negara meletakkan jawatan. Sudah masanya kerana seorang Ahli Parlimen daripada kerajaan, bukan Ahli Parlimen biasa, mungkin satu hari nanti menjadi bakal menteri, sendiri menyatakan Peguam Negara, kalau kita meringkaskan ucapannya - tidak profesional, menimbulkan kontroversi, political. Saya rasa dia telah melanggar tugas perlembagaan yang menggariskan apakah fungsinya yang dia patut lakukan.

Oleh sebab itu, saya ingin meminta, kalau beliau ada public morality, letakkan jawatan. Kalau ingin menceburi bidang politik, bertandinglah dalam pilihan raya besar. Janganlah mengambil tindakan dan membuat keputusan yang memihak kepada satu atau pihak tertentu sahaja. Saya menyatakan demikian, Tuan Yang

di-Pertua, kerana beberapa keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara kebelakangan ini telah menimbulkan kecurigaan yang amat sangat di kalangan rakyat. Bukan sahaja dalam kes saya di mana Peguam Negara yang saya rasa dengan personal vindictiveness, dengan izin, telah membuat dakwaan di bawah Akta Hasutan dan juga di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan di bawah Seksyen 8(a)(1) ini, Printing Presses and Publication Act hanya Peguam Negara yang boleh buat dakwaan. Tidak ada orang lain yang boleh memulakan dakwaan - pendakwaan semacam ini. Dan ini adalah kerana sebelum ini saya telah mengemukakan di Dewan yang mulia ini, usul tidak percaya, usul meminta beliau letak jawatan kerana menangani isu skandal seks Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan inilah balasan, inilah motif balas dendam Peguam Negara terhadap saya.

Bukan setakat itu sahaja, serupa juga ke atas Pengarah Tenaganita, Irene Fernandez pun menghadapi tuduhan yang sama. Adakah negara kita boleh mempunyai seorang Peguam Negara seperti ini yang lebih bertindak seperti a political creature, dengan izin? Tidak ada undang-undang lagi. Sudah tidak ada undang-undang lagi - a political creature. Dan di sini, saya rasa dia mesti letak jawatan. Tidak ada jalan lain. Kalau tidak saya rasa, semua siasatan yang dia buat tidak akan membawa apa-apa makna, semua siasatan yang dia jalankan hanya untuk menutup skandal awam, skandal pemimpin-pemimpin tertentu termasuk Ketua Pemuda UMNO yang sekarang disanjung oleh Yang Berhormat dari Chenderoh, yang sangat disanjung oleh beliau.

Saya rasa semua rakyat Malaysia masih tidak faham macam mana dia boleh menarik balik tuduhan rasuah ke atas Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Sungguhpun dia kata ada bukti-bukti yang baru, tetapi sehingga hari ini rakyat masih

belum tahu apakah bukti baru ini. Mungkin Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh tahu, tetapi rakyat ada hak untuk tahu, mengapa perkara ini ditutup, walaupun ia melibatkan satu skandal rasuah yang begitu besar. Adakah negara kita sudah sampai ke satu tahap di mana tidak salah kalau kita lakukan rasuah, hanya salah kalau kita dedahkannya?

Kalau kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas rasuah tanpa mengira kedudukan mereka yang terbabit, saya rasa tidak ada orang berani membuat laporan polis atau laporan kepada BPR tentang amalan rasuah, hanya mungkin terhadap mereka yang mengamalkan amalan rasuah yang kecil-kecil sahaja, yang diambil atau yang dikenakan tindakan.

Satu lagi skandal rasuah yang amat besar ialah tentang skandal Perwaja. Sehingga hari ini pihak kerajaan masih tidak mahu memberikan satu penjelasan yang terperinci tentang apa yang sebenarnya berlaku dalam Perwaja. Apabila Ketua Pembangkang meminta satu kertas putih dikemukakan oleh pihak kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menolaknya, menyatakan "bahawa ini membuang masa".

Di sini saya hendak bertanya kalau kita menghadapi kerugian sebanyak RM10.3 bilion, adakah ini satu perkara sia-sia atau membuang masa sahaja? Kalau kerugian setahap RM10.3 bilion satu kertas putih pun tidak boleh dikeluarkan, apa gunanya atau apakah syarat-syarat kita boleh keluarkan satu kertas putih ataupun satu siasatan di-raja awam mestilah ditubuhkan?

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ada masa saya ingin memberikan butir-butir lanjut tentang macam mana penyelewengan, amalan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa telah berlaku oleh pihak pengurusan yang lama Perwaja.

Contoh pertama, iaitu saya rasa satu penipuan yang sangat ketara, di mana satu bayaran sebanyak RM76.4 telah dibayar kepada sebuah syarikat di Hong Kong. Sungguhpun syarikat ini tidak memberikan apa-apa perkhidmatan kepada Perwaja dan bayaran ini adalah dibuat ekoran satu surat kononnya oleh NKK Japan. NKK adalah sebuah syarikat yang telah menandatangani satu surat perjanjian dengan Perwaja untuk memberikan perkhidmatan dan alat-alat gantian. Di dalam surat ini, mereka menuntut bahawa bayaran sebanyak RM76.4 juta ini dibayar kepada "Frilsham Enterprises" yang mereka tahu adalah satu anak syarikat kepada NKK Japan.

Satu surat yang ditandatangani oleh Encik N.K. Otani yang didakwa sebagai pengarah dari NKK. Selepas surat ini diterima oleh Perwaja arahan untuk membuat bayaran telah dikeluarkan oleh Tan Sri Eric Chia bekas Pengurus Besar Perwaja.

Pada 22hb Februari 1994 - surat tuntutan ini dibuat pada 17hb Februari 1994 - saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengesahan tentang surat tuntutan ini tidak dibuat oleh Perwaja. Di sini saya rasa adalah amat pelik sekali.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaf, kerana saya tidak cukup masa.

Tuan Noh bin Omar: Penjelasan sedikit.....

Tuan Lim Guan Eng: Ini adalah luar biasa.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri. Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: apabila satu tuntutan untuk bayaran yang sebegitu besar, pihak pembayar akan membuat pengesahan bahawa surat tuntutan ini ada dikeluarkan, tetapi ini tidak dijalankan oleh pihak Perwaja. Bayaran dibuat tanpa sebarang pengesahan - RM76.4 juta - ke Hong Kong, selepas itu barulah mereka mendapati bahawa syarikat ini tidak ada kena-mengena dengan NKK Japan dan NKK Japan tidak pernah membuat surat tuntutan tentang bayaran sedemikian dan tidak menerima bayaran RM76.4 juta ini. Perkara ini telah berlaku dua tahun, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak kerajaan atau pengurusan.

Apabila saya mula membongkarkan perkara ini pada bulan Januari tahun ini dan dalam satu laporan *Asian Wall Street Journal* selepas ini mereka juga ada bertanya NKK Japan, di Tokyo ibu pejabat mereka dan telah dimaklumkan di Tokyo seorang juru cakap NKK dengan izin, K. Suki Kusonose said, "The letter purportedly written by Mr. Otani isn't genuine. We haven't ask for such a payment, nor have we receive the money, we don't know the company i.e. Frilsham...." dari Hong Kong "it is not a company we have daily business relation with", dengan kata-kata lain Tuan Yang di-Pertua, Perwaja telah ditipu untuk membuat bayaran sebegitu besar sebanyak RM76.4 juta. Tetapi apakah tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan untuk mendapat balik wang ini? Sehingga hari ini satu laporan polis masih belum dibuat. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan hanya menyatakan satu audit akan dijalankan.

Saya tidak tahu apakah maknanya kita membuat audit kalau sesuatu penipuan telah dibuat.....?

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya. Yang Berhormat. Tanjong Karang bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak bermakna langsung

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalankah, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah kita hendak menunggu audit itu habis, tamat baru kita buat laporan polis. Kalau ini satu kes jenayah yang jelas, yang saya rasa seorang budak sekolah pun tahu mengapakah laporan polis tidak dibuat oleh pihak pengurusan atau adakah pihak kerajaan rasa RM76.4 juta yang kena kebas tidak penting, tidak besar? Dan yang penting sekali mengapa pihak kerajaan begitu melindungi Tan Sri Eric Chia? Kalau perkara ini berlaku di bawah pengurusannya mengapakah sehingga hari ini beliau tidak diperlukan untuk menjawab tentang salah pengurusan yang dilakukan oleh beliau?

Apakah sebab sebenarnya beliau mempunyai keistimewaan atau kekebalan dari segi undang-undang? Mana dia sekarang, mana Tan Sri Eric Chia?

Saya harap pihak kerajaan mengambil perhatian yang serius tentang skandal ini, oleh kerana apa yang telah berlaku, kerajaan sekarang menghadapi kerugian terkumpul sebanyak RM2.9 bilion setakat 31hb Mac tahun ini. Dan dari segi hutang yang ditanggung oleh Perwaja adalah RM2.5 bilion kepada bank-bank tempatan, RM3.1 bilion kepada bank asing dan juga pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Pusat sendiri sebanyak RM1.2 bilion, dan ekuiti yang dilabur dalam Perwaja sebanyak RM853 juta. Kesemuanya hampir RM10.3 bilion. Kalau Syarikat Perwaja Terengganu

Sdn. Bhd. jadi bankrap, saya rasa pihak kerajaan tidak boleh nafikan bahawa ianya mempunyai implikasi yang sangat besar, bukan sahaja kepada Perwaja, tetapi juga kepada industri kewangan, kerana kebanyakan daripada pinjaman ini adalah kepada bank-bank tempatan.

Adalah difahamkan bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, let Perwaja has defaulted on its loans. Tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu, bank-bank tempatan termasuk Bank Bumiputera tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Perwaja. Apakah akan berlaku kalau Perwaja tidak mampu membayar jumlah ini kepada Bank Bumiputera? Adakah ini bermakna bahawa rakyat sekali lagi akan menanggung segalanya?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, terdapat banyak penyelewengan di mana surat perjanjian ditandatangani oleh Perwaja dan juga anak syarikatnya kepada syarikat-syarikat tertentu yang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Lim Guan Eng:mendapat terma-terma atau bayaran-bayaran yang sangat tinggi. Oleh kerana masa yang suntuk, saya harap bahawa di antara butir-butir yang ada dipaparkan dalam laporan *Asian Wall Street Journal* mempunyai bukti yang kukuh tentang penyelewengan. Saya harap pihak kerajaan boleh menunjuk apa yang telah dilakukan dan memberikan jawapan kepada rakyat Malaysia. Kerana adalah penting bahawa kita tidak mahu Perwaja kerana ia merupakan satu "baby" dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, skandal penyelewengannya akan ditutup.

Saya ingin berakhir. Tuan Yang di-Pertua, dengan jaminan yang pernah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa tanpa kira kawan atau lawan, tanpa kira status atau

kedudukan, kalau ada berlakunya rasuah, tindakan tegas akan diambil. Saya rasa masa sudah tiba untuk Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menunjukkan bahawa tindakan telah diambil oleh beliau dalam skandal Perwaja ini, dan mereka yang menyalahi undang-undang pun diambil tindakan. Tidak ada makna, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka yang melakukan kesalahan atau penyelewengan seperti ini dilepaskan begitu sahaja. Bukan sahaja menunjukkan bahawa dunia kehakiman sekarang dalam krisis, tetapi kerajaan sekarang pun dalam krisis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Segambut.

5.45 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong (Segambut): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Sepanjang tempoh OPP1, kerajaan telah membuat keputusan yang berani melalui polisi yang akan membawa kepada pembangunan yang pesat dan perubahan struktural dalam ekonomi di mana hasilnya adalah kejadian kekayaan yang pesat serta kemajuan dalam taraf hidup untuk semua rakyat Malaysia.

Satu langkah yang amat bermakna yang telah dilancarkan oleh kerajaan adalah program penswastan pada akhir tahun 1980-an. Rationale di sebalik rancangan ini ialah untuk mengurangkan penyertaan sektor awam dalam ekonomi negara dan seterusnya memberi tugas ini kepada sektor swasta untuk mengemudi kadar pertumbuhan ekonomi pada dekad yang akan datang. Proses penswastan ini boleh membantu perkembangan struktur pasaran yang lebih setanding dengan pengurangan rintangan untuk memasuki industri serta pengurangan perkembangan amalan monopolistik di dalam ekonomi.

Semua rakyat Malaysia mengalu-alukan perubahan polisi ini untuk memperkembangkan lagi struktur pasaran yang lebih setanding di mana ia akan memberi pilihan yang lebih luas untuk pelanggan-pelanggan dan memudahkan usaha penurunan harga di dalam ekonomi. Sementara polisi kerajaan ini yang bertujuan mengutamakan kesenangan dan kekayaan, ini juga telah membawa kepada akibat-akibat yang tidak dirancang. Saya ingin menumpukan perhatian kepada beberapa perkara tersebut yang tertera seperti berikut:

- (i) pengawalan monopolistik sektor korporat;
- (ii) tanggungjawab korporat;
- (iii) kadar inflasi; dan
- (iv) pemeliharaan alam sekitar kita.

Dalam usaha kerajaan untuk mencapai kejayaan dalam proses penswastanya, ia telah menetapkan untuk memberi ganjaran kepada usahawan yang berjaya. Tiada sesiapa yang akan membangkang keputusan sedemikian. Namun, nampaknya hanya segelintir usahawan dan kumpulan korporat sahaja yang mencapai manfaat dalam proses penswastanya. Seluruh penduduk Malaysia percaya semua yang berkewibawaan patut diberi peluang menyumbang dalam proses pembangunan dan pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan dalam menghadkan pilihanraya kepada beberapa individu dan kumpulan korporat tertentu sebenarnya menggalakkan perkembangan kuasa monopolistik dan seterusnya perlu menyediakan tujuan polisinya dalam menggalakkan darjat saingan yang lebih tinggi dalam ekonominya.

Kejayaan dan kemajuan usahawan-usahawan serta korporat dapat dicapai melalui pelbagai cara, bergantung kepada sistem penilaian ke atas kumpulan korporat serta usahawan-usahawan individu itu

sendiri. Walaupun mereka yang tergolong di sektor korporat ini mementingkan keuntungan maksimum, kejayaan mereka tidak boleh dikaburi oleh pencapaian kewangan semata-mata. Tanggungjawab korporat terhadap masyarakat harus juga diwajibkan.

Tuan Yang di-Pertua, golongan korporat dengan kerjasama masyarakat adalah mempunyai tugas yang berat dalam mengendalikan urusan mereka dengan tahap kejujuran yang tertinggi, adil dan saksama termasuklah amalan perniagaan yang baik. Kerajaan mestilah terus menggalakkan di samping menuntut supaya amalan perniagaan yang baik menjadi satu perkara yang standard dalam etika kerja sektor korporat.

Amalan baik dalam urusan perniagaan bukan sahaja satu komitmen bersifat jujur tetapi harus menjadi satu daya yang positif dalam keharmonian dengan masyarakat yang memajukan kita. Oleh itu, amalan yang baik dalam sektor korporat adalah tanggungjawab semua warganegara Malaysia. Di sini, harus adaimbangan di samping daya timbal balas dalam masyarakat untuk memastikan bahawa sektor korporat mesti menegakkan kebaikan dan kebenaran. Tanpanya, keseluruhan kejayaan persyarikatan Malaysia ini adalah tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, golongan korporat bukan sahaja bertanggungjawab untuk meraih keuntungan yang maksimum untuk pemegang saham, mereka juga akan bertanggungjawab kepada semua masyarakat yang menyokong mereka. Jadi, peranan mereka tidak harus tertumpu kepada keuntungan semata-mata tetapi mereka harus mempunyai kepercayaan yang teguh di mana cara urusan perniagaan adalah berasaskan hubungan jual-beli secara adil, ikhlas dan tahap kejujuran yang paling tinggi.

Jikalau setiap ahli korporat menegakkan kepercayaan tradisional yang ibu bapa mereka semaikan kepada diri mereka, kesannya kita tidak akan menghadapi

masalah kegagalan korporat yang mungkin akan memberi kesan yang buruk terhadap ekonomi negara keseluruhannya. Satu contoh yang terkini adalah masalah hutang yang dialami oleh Perwaja.

Tanggungjawab sosial tidak berakhir di peringkat korporat. Pada mereka yang diberi mandat membuat keputusan yang dapat memberi kesan terhadap penggunaan tabung awam, mereka mesti melakukan tanggungjawab mereka dengan teliti, berhati-hati dan bersifat profesional. Adakah adil untuk mengatakan bahawa rakyat Malaysia tidak mahu lagi melihat berulangnya kembali kerugian spekulasi mata wang asing bank pusat yang berjumlah lebih kurang 7.4% daripada keluaran negara kasar (KNK) beberapa tahun yang lalu (Sumber: Laporan Ekonomi Perbendaharaan 1995/1996 - KNK Tahun 1993 adalah RM161.8 bilion).

Tanggungjawab sosial adalah termasuk perlunya kerajaan memberi satu pesanan yang jelas dan tidak menyangsikan mengenai arah polisinya. Sebagai contoh, kerajaan harus tahu apakah hasrat kerajaan sebenarnya bila menukar 'monopoli semulajadi' seperti Tenaga Nasional Berhad kepada perusahaan persendirian di mana mereka sepatutnya menjalankan operasinya dalam suasana yang lebih setanding. Di sini, Tenaga Nasional hanyalah saya gunakan sebagai tujuan untuk menegakkan hujah saya sahaja dan tidak sekali-kali membabitkan kerja baik pihak pengurusan mereka.

Oleh kerana struktur harga dan perkhidmatan Tenaga Nasional mempengaruhi semua lapisan masyarakat, dari industri ke rakyat yang termiskin, ia tidak boleh dibiarkan mengaut keuntungan maksimum. Struktur harganya mesti dikawal supaya dapat menampung purata kos pengeluarannya dan membekalkan perkhidmatan yang efisien seperti yang diperlukan oleh rakyat. Pada masa yang lalu, kerajaan telah dilihat sebagai tidak

arif dalam keputusannya untuk mengawal struktur tarif Tenaga Nasional. Jikalau ini berterusan, kerajaan sendiri akan kehilangan reputasi mengenai usahanya untuk mengendalikan ekonominya.

Pengumuman rasmi kadar inflasi yang kurang daripada 4% tidak menggambarkan kadar inflasi yang sebenarnya tetapi hampir semua rakyat percaya ia adalah kadar inflasi yang tepat. Kadar inflasi yang rendah ini berdasarkan kepada indeks harga pengguna (CPI), yang mana ia hanya mengukur beberapa harga barangan asas sahaja dan ini tidak menunjukkan keseluruhan kadar inflasi yang tepat.

Perasaan umum adalah inflasi harta yang disebabkan oleh harga harta benda yang tinggi tidak juga direndahkan, walaupun baru-baru ini Bank Negara mengambil langkah-langkah mengawal kredit. Kemungkinan dua sebab yang membolehkan kenaikan harga di sektor harta adalah aktiviti spekulasi oleh warganegara Malaysia dan juga warganegara asing dan purata harga yang tinggi telah ditetapkan oleh pemaju perumahan yang mengambil kesempatan sementara situasi permintaan terhadap rumah masih lagi tinggi.

Langkah pengawalan kredit ini akan akhirnya membantutkan aktiviti spekulasi. Tetapi pemaju harta mesti berusaha untuk mempraktikkan keadilan bila menentukan harga untuk penjualan harta benda. Disebabkannya, hak milik rumah sekarang hanyalah menjadi idaman seseorang yang hanya berpendapatan sederhana. Oleh itu, pembantutan inflasi harta bukan sahaja tanggungjawab kerajaan malah ia adalah urusan dan tanggungjawab segala lapisan masyarakat termasuklah kumpulan korporat yang mengendalikan sektor hartanah secara meluas.

Pemeliharaan alam persekitaran kita bukan sahaja dengan melaksanakan alat anti pencemaran dan berhenti dari

menebang pokok-pokok di dalam hutan rimba kita. Ini adalah satu isu yang akan menjamin anak-anak kita dan generasi Malaysia yang akan datang akan merasa bertuah seperti kita untuk menikmati keindahan alam ciptaan Tuhan.

Segala kesilapan yang generasi kita lakukan dengan memusnahkan alam persekitaran kita terutamanya sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui seperti pemandangan yang indah akan memberi kesan yang amat merugikan walaupun secara tidak sengaja. Kebanyakan daripada pemandangan keadaan alam semula jadi tidak diubah pada masa yang lalu. Kerajaan mempunyai tanggungjawab sosial untuk memastikan bahawa pemeliharaan alam sekitar untuk kebaikan semua mestilah mengatasi keuntungan yang ingin dicapai oleh segelintir kumpulan di atas nama "pembangunan".

Tuan Speaker, secara kesimpulannya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk Titah Di-Raja dan menegaskan bahawa saya menyokong sepenuhnya semua usaha dan ikhtiar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang selesa untuk kita dan generasi yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

6.01 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Di dalam Perbahasan Usul Kebawah Duli, saya nampak tidak banyak orang yang hendak berucap, mungkin tidak begitu siap pada hari ini, kerana sibuk untuk balik ke kampung. Saya mintalah supaya tidak payah dihadkan masa untuk saya, kerana sudah tidak ada orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa perkara yang hendak dibangkitkan di sini. Pertama, mengenai prinsip dan amalan kebangsaan, dengan izin, National Principle and Practice, termasuk, pertama, prudent management and transparency - pengurusan yang berjimat cermat dan ketelusan yang telah pun berulang kali disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan.

Di sini, saya hendak sebutkan masalah yang timbul kerana pelbagai projek kecil, sederhana dan raksasa yang telah pun diadakan di negara ini. Di antara tahun 1995 hingga 1997, dua tahun ini, projek-projek raksasa perbelanjaannya berjumlah lebih RM45 bilion. Ini termasuk Putra Jaya, Kuala Lumpur International Airport (KLIA) di Sepang, KLCC di Kuala Lumpur dan sekarang Bakun. Walaupun Bakun menimbulkan banyak isu yang dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada peringkat pelan induk bagi setiap projek raksasa ini sampai ke projek pelaksanaan, saya nampak masih tidak ada mekanisme untuk mencegah pembaziran dan mencegah pemborosan yang timbul. Misalnya, dengan projek Stadium di Bukit Jalil, pada mulanya anggaran perbelanjaan tidak sampai RM600 juta, sekarang meningkat kepada lebih RM800 juta, mungkin RM1,000 juta. Ini bermakna di peringkat perancangan lagi kos untuk projek-projek seperti ini tidak dianggar dengan betul ataupun terdapat beberapa pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, ada pro dan kontra untuk projek-projek seperti ini dan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, projek-projek ini menjadi satu bukti bahawa kita mempunyai kebolehan merangsangkan ekonomi, kita mempunyai kebolehan untuk melaksanakan projek-projek raksasa sehingga di KLCC. di antara kedua-dua

menara, walaupun ada senget sedikit di salah satu menara, kerana dalam perhitungan, saya diberitahu satu alat menghitung sudut untuk menara ini, satu alatnya telah ketinggalan zaman sedikit. Maka salah satu menaranya ada senget sedikit. Walaupun ada senget sedikit.....

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Minta jalan, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga, kerana tidak ada had masa sekarang, tiada orang yang hendak berucap.

Tuan Yunus bin Rahmat: Yang Berhormat duduklah, saya hendak bercakap sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berpesan kepada Yang Berhormat, kalau bercakap itu menghalalah kepada Tuan Yang di-Pertua, jangan menghalah ke sini.

Keduanya, saya ingin penjelasan. Yang Berhormat Kepong bercakap tentang pembaziran ini, apakah bendanya? Projek Bukit Jalil ini bukannya siap lagi. Jadi, Yang Berhormat nilaikan sekarang ini merupakan satu pembaziran tetapi projek itu tidak siap lagi dan apakah Yang Berhormat tidak menggalakkan masyarakat kita akan melibatkan diri dalam projek-projek yang berkenaan. Adakah Ahli-ahli Pembangkang tidak akan pergi ke situ? Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang memandang kepada Tuan Yang di-Pertua sentiasa, tetapi dari masa ke semasa mestilah kita ubah sedikit, kerana kalau sentiasa tengok ke situ pun bosan juga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tidak sabar. Kita tunggulah, saya akan sebutkan mengapa saya anggap ada pembaziran. Saya memang berharap pihak kerajaan akan membuat siasatan ke atas semua projek raksasa ini sama ada wujud pembaziran atau pemborosan ataupun penyelewengan. Saya sebutkan tadi walaupun KLCC - kedua-dua menara ini ada senget sedikit, kerana alat yang digunakan untuk menghitung ada silap sedikit.....

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat dari Kepong menyebut berkenaan dengan menara KLCC itu senget sedikit, saya rasa semua rakyat kita berasa ingin hendak tahu. Saya ingin minta penjelasan. Di bawah prinsip apa ataupun bukti-bukti mana yang boleh sekiranya Yang Berhormat memberi penjelasan ataupun apa buktinya yang menyatakan ada kesengetan kepada bangunan ini kerana ini akan menimbulkan satu keadaan spekulasi ataupun hanya bercakap untuk menimbulkan masalah. Kalau boleh saya minta penjelasan, tolong beri data-data, prinsip mana dan dalam konteks apakah dari segi teknikalnya yang dikatakan senget tadi?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat salah anggap sedikit. Beliau menganggap saya sebagai menteri kerajaan. Saya bukan menteri kerajaan hendak membekalkan dia dengan angka-angka yang lengkap.

Kalau kita tanya Menteri pun, dia kata ini sangat terperinci. Saya boleh beri jawapan secara bertulis. Menteri sentiasa jawab demikian. Kalau Yang Berhormat menganggap saya sebagai seorang Menteri, itu salah. Saya bukan. Walau bagaimanapun, ini memang satu masalah. Saya pun tak tahulah apa butir-butir lanjutnya dan bagaimana pihak yang berkenaan menyelesaikan masalah senget ataupun sedikit senget ini tidak membahayakan. Besar kemungkinan tidak bahaya.

Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa kedua-dua menara ini setakat ini merupakan bangunan yang tertinggi di dunia. Seronok juga kita dengar bangunan yang tertinggi di tanah air kita.

Walau bagaimanapun, maksud saya membangkitkan perkara ini ialah mengenai pembaziran. Kita mesti buat satu mekanisme yang berkesan untuk mencegah segala pemborosan yang boleh berlaku di setiap projek kecil, sederhana dan raksasa. Misalnya, earth work atau kerjatanah. Biasanya, untuk satu meter persegi biasanya adalah di antara RM3.00 ataupun RM5.00. Ini berdasarkan kepada keadaan tanah, sama ada jauh ataupun dekat dengan tanah-tanah bukit dan sebagainya. Daripada tanah-tanah bukit ini kita boleh dapat tanah untuk menimbus jalan yang tidak rata dan sebagainya di dalam kerjatanah.

Kadangkala di dalam projek-projek raksasa ini, perbelanjaan untuk setiap meter persegi ialah lebih RM20.00 dan kadang kala RM25.00 bagi setiap meter persegi, walhal harga biasa adalah RM3.00 ataupun RM5.00. Ini kita mesti siasat sama ada wujudnya pemborosan ataupun kecurangan.

Saya setuju kalau kawasan itu jauh daripada bukit dan sebagainya, kita tidak dapat tanah untuk menimbus atau meratakan. Mungkin kita terpaksa adakan 40 atau 50 kilometer di bawah tanah yang jauh untuk ke tapak bangunan. Mungkin ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk kerjatanah.

Inilah satu perkara yang perlu kita teliti sebab kalau kita tengok, bukan sahaja kita bangga kerana itu adalah bangunan tertinggi. Kita mesti mencegah segala pembaziran supaya wang rakyat ini dapat digunakan untuk kebajikan rakyat bagi masa depan generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan mekanisme untuk mencegah pembaziran ini kerana negara ini dikurniakan dengan

pelbagai sumber kekayaan, sumber asli yang begitu kaya, termasuk petroleum. Kalau petroleum di bawah continental shelve atau di bawah dasar laut itu dibiarkan begitu sahaja, memang khazanah ini akan kekal untuk selama-lamanya untuk generasi akan datang. Tetapi apabila kita gali petroleum ini untuk dieksport dan digunakan sebagai komersial, maka khazanah negara ini akan digunakan. Kalau dibazirkan tanpa mengira kebajikan dan masa depan negara ini, maka akan mewujudkan masalah untuk generasi akan datang.

Mereka akan merasa kecewa dan putus asa kerana kita sekarang tidak memandang jauh, cuma membazirkan khazanah negara. Itulah maksud saya untuk membangkitkan masalah betapa perlunya kita wujudkan suatu mekanisme sedemikian yang efektif untuk mencegah daripada berlakunya pembaziran atau pemborosan dalam segala projek yang dilakukan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membangkitkan di sini mengenai masalah dadah kerana masalah dadah ini bukan masalah satu parti atau dua parti; atau satu masyarakat atau dua masyarakat; atau satu golongan atau dua golongan sahaja. Dadah merentasi semua bidang, semua masyarakat, semua bangsa dan semua parti.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah dadah pada zahirnya tidak mempunyai kepentingan politik sangat kerana tidak melibatkan pengundian - pengundi-pengundi yang banyak. Kerana kekurangan kepentingan politik semasa, maka bahaya dadah ini tidak dirasai sangat oleh masyarakat, kecuali penagih-penagih dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun-tahun 1970-an, bilangan penagih dan pengedar dadah telah meningkat dengan pesat. Walaupun pihak kerajaan telah mengambil tindakan, masalah ini masih semakin hari semakin menjadi serius. Walaupun raja

dadah seperti Khunsa dilaporkan sudah bersara, tetapi dadah daripada segi tiga emas atau golden triangle tidak berkurangan, masih masuk ke negara ini untuk dieksport ke negara-negara lain.

Ini saya pun hairan juga kerana Khunsa tidak ada kerana sebelum ini Khunsa menjadi salah satu yang terbesar - raja dadah di kawasan segi tiga dan kerana dia tidak ada lagi, masih wujudnya masalah. Bekalan dadah tidak kurang. Saya pun hairan juga. Ini merupakan satu ancaman yang kita perlu menumpukan lebih perhatian kerana wujudnya pelbagai faktor. Dadah memang satu perniagaan atau perdagangan yang sangat lumayan dan kerana itu susahlah hendak dicegah termasuk Amerika Syarikat yang tiap-tiap tahun membelanjakan berbilion-bilion dolar tetapi masalah di Amerika Syarikat tidak dapat diselesaikan.

Di negara ini walaupun kita ada undang-undang yang ketat termasuk Akta Dadah Berbahaya dengan hukuman mati mandatori, bilangan pengedar tidak berkurangan, malah bertambah. Menurut angka Kementerian Dalam Negeri, pada tahun 1994 dan tahun 1995 bilangan pengedar masing-masing 790 dan 863 dan 11 orang telah pun digantung. Ini menunjukkan walaupun apa undang-undang yang ketat dan tindakan pihak polis dan sebagainya, bilangan pengedar bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sudah memperuntukkan pada 1994 dan 1995 untuk Pasukan Petugas Anti Dadah dan untuk Cawangan Anti Dadah masing-masing RM4.8 juta dan RM34.618 juta. Tetapi ini tidak mencukupi untuk mengadakan operasi-operasi yang berkesan dan sebaliknya pada tahun 1994....

Tuan Yunus bin Rahmat: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Minta jalan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan tentang masalah-masalah dadah yang tiap hari kian parah yang harus kita sama-sama hadapi dan kita atasi.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah banyak berusaha. Jadi, apakah cadangan Ahli Yang Berhormat sendirilah untuk kerajaan dapat mengatasi masalah ini supaya sedikit sebanyak kerajaan dapat mengiktiraf bahawa parti pembangkang yang ada di negara kita ini memberikan sumbangan dalam usaha untuk mengatasi masalah ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat seperti biasalah, tidak bersabar. Tunggulah dulu. Tunggulah dulu, saya akan sebutkan apakah cadangan saya. Sebab saya merupakan salah seorang Ahli Majlis PEMADAM Kebangsaan dan esok pagi kita ada mesyuarat untuk merancang bagaimana kita akan mencegah masalah penagihan dadah. Saya cadangkan Yang Berhormat pun turut sertalah, kita bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994 dan tahun 1995 bilangan penagih yang dikenal pasti, masing-masing 28,796 dan 34,104 orang. Ini bukan satu angka yang tepat kerana angka yang sebenarnya tidak diketahui. Dianggarkan angka yang sebenar ialah di antara 200,000 sampai 300,000 ataupun lebih penagih dadah di negara ini. Saya hendak sebutkan untuk mencadangkan cara-cara kita akan menyelesaikan masalah ini. Daripada ataupun mungkin hampir 300,000 orang ini di dalam pusat-pusat serenti dan sebagainya, kita hanya boleh memberi rawatan dan pemulihan kepada lebih kurang 53,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, ini sebahagian (a fraction) daripada bilangan penagih dadah di negara ini walaupun 53,000 orang dapat diberi rawatan dan dipulihkan. Apabila sampai 2 tahun setengah,

sekarang dilanjutkan kepada 3 tahun, mereka dibebaskan ataupun dikeluarkan daripada pusat-pusat ini, hampir 70% balik ke cara yang lama, menjadi penagih lagi - 70%. Kerana masyarakat kita tidak sedia untuk menerima bekas penagih-penagih itu. Ini masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun bergembira kerana pada 7hb Februari 1996, jemaah kabinet telah pun meluluskan penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) yang merangkumi Pasukan Petugas Anti Dadah, Jabatan Narkotik dan juga Bahagian Rawatan dan Pemulihan. Dengan satu agensi payung ini saya berharap perang anti dadah ini akan dapat berjaya.

Walau bagaimanapun, setakat ini kerana pusat-pusat serenti ini tidak cukup, bilangan kakitangan pun kurang dan alat kelengkapan pun kurang, kita dapati tahun lepas dan tahun ini ada rusuhan. Tahun lepas 3,844 pelatih lari daripada pusat dan setakat 15hb Mac tahun ini, ada 1,565 pelatih di pusat-pusat yang lari. Ini masalah. Saya pun mendapat tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengambil perhatian mengenai masalah ini dan Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Tanjong pun ada membuat lawatan ke Pusat Serenti Rawang. Didapati pusat serenti di Rawang itu adalah sangat dahsyat. Tidak dapat memberi rawatan dan pemulihan yang sempurna kepada pelatih dan bilangannya sangat sesak.

Inilah saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memperuntukkan lebih banyak wang untuk membuka lebih banyak pusat serenti. Walaupun ada di dalam rancangan untuk membuka lima buah pusat serenti

baru dan membesarkan dua buah lagi pusat serenti, ini tidak mencukupi. Kita ada begitu banyak bilangan penagih. Kita perlukan lebih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya boleh....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa hari ini sudah cukup. Yang Berhormat sudah berucap, saya telah beri lebih masa daripada yang lain. Jadi, Yang Berhormat tidak boleh sambung minggu depan.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak boleh sambung. (*Ketawa*) Saya telah beri Yang Berhormat 30 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tolong mereka kerana tidak ada orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hari ini sudah cukup, Yang Berhormat. Masa cukup ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima Kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.